

**NILAI KEPENTINGAN PEMELIHARAAN SEJARAH DAN
BUDAYA OLEH PIHAK BERKUASA DI JETI CLAN**

**ABDUL AZIZ BIN MD SAAD
C18A0002**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DAN KEPUJIAN**



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**NILAI KEPENTINGAN PEMELIHARAAN SEJARAH DAN BUDAYA OLEH
PIHAK BERKUASA DI JETI CLAN**

Oleh

**ABDUL AZIZ BIN MD SAAD
C18A0002**

Laporan ini dihantar untuk memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya besetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajaran sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

ABDUL AZIZ BIN MD SAAD

ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED
SOM

Tarikh: 27/1/2021

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT. yang Maha pemurah lagi Maha pengasih dengan memanjatkan rasa syukur kerana diberikan keizinan olehNya dapat saya siapkan projek penyelidikan ini yang merupakan sebahagian keperluan Sarjana Muda Pengajian Warisan dan Kepujian, Universiti Malaysia Kelantan.

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam melengkapkan projek penyelidikan ini secara langsung dan tidak langsung. Pertama sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada Encik Sahrudin bin Mohamed Som selaku penyelia sepanjang projek ini dijalankan kerana banyak memberi tunjuk ajar serta nasihat yang tidak putus-putus sehingga projek lengkap. Seterusnya, penghargaan ini juga saya ucapkan kepada Ibu bapa yang tercinta kerana memberi sokongan moral dan kewangan.

Tidak dilupakan juga buat responden dan informan yang menjadi pelengkap kajian saya kerana memberi kerjasama dan meluangkan masa yang penting dalam memberikan input-input berkaitan kajian ini. Akhir sekali, saya ingin mendedikasikan ucapan ini buat rakan seperjuangan yang membantu menyiapkan projek penyelidikan ini. Semoga jasa kalian dibalas oleh Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Bandar awal dan lama di Malaysia mempunyai pelbagai khazanah warisan. Contohnya bandar Georgetown di Pulau Pinang sangat terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan keunikan warisan budaya sehingga menarik ramai pengunjung dari dalam dan luar negeri. Jeti Clan, ini berasal daripada sebuah clan yang ditubukan oleh beberapa pedagang cina yang berkhidmat bawah Sultan Kedah. Jeti ini mempunyai khazanah dan budaya berlainan daripada barat Oleh itu, terdapat beberapa permasalahan yang timbul disebabkan pihak tertentu. Contohnya Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak yang bertanggungjawab yang lain. Objektif kajian terhadap Jeti Clan ini melibatkan budaya dan sejarah serta usaha Pihak Berkuasa Tempatan. Pengumpulan maklumat juga penting dari segi kaedah yang betul. Dalam bahagian metodologi kaedah kualitatif menjadi pilihan kerana pengumpulan data dari kaedah kualitatif adalah bersifat fleksibel iaitu dapat mengubahsuai mengikut keadaan dan sesuatu situasi.

Kata Kunci: *Pedagang Cina, Sejarah dan Budaya, Pihak Berkuasa Tempatan, usaha dan Kaedah Kualitatif.*

ABSTRACT

The early and old cities in Malaysia have various heritage treasures. For example, the city of Georgetown in Penang is very famous for its natural beauty and unique cultural heritage that attracts many visitors from within and outside the country. Clan Jetty, this comes from a clan founded by several Chinese traders who served under the Sultan of Kedah. This jetty has different treasures and culture from the west. Therefore, there are some problems that arise due to certain parties. For example, the Local Authority or other responsible party. The objective of this study on Clan Jetty involves culture and history, and as well as the effort of Local Authorities. Information gathering is also important in terms of proper methods. In the methodology, qualitative methods are preferred because the collection of data from qualitative methods is flexible, that is, it can modify according to the situation and a situation.

Keywords: *Chinese Traders, History and Culture, Local Authorities, effort, and Qualitative Methods.*

ISI KANDUNGAN

TAJUK HALAMAN

Pengakuan Tesis.....	i
Penghargaan.....	ii
Abstrak.....	

Isi Kandungan.....	iv
--------------------	----

BAB 1 : Pendahuluan

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Permasalahan Kajian.....	6
1.4 Objektif Kajian.....	8
1.5 Persoalan Kajian.....	8
1.6 Lokasi Kajian.....	9
1.7 Skop Kajian.....	10
1.8 Kepentingan Kajian.....	12
1.9 Rumusan Bab.....	13

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan.....	14
2.1 Definisi Kawasan Bersejarah.....	15
2.2 Sejarah.....	16
2.3 Kepentingan Warisan.....	17
2.4 Kepentingan Budaya.....	19
2.4.1 Warisan Budaya Ketara.....	21
2.4.2 Warisan Budaya Tidak Ketara.....	23

2.5 Pihak Berkuasa Tempatan Di Malaysia.....	25
2.6 Pihak Berkuasa Tempatan.....	28
2.7 Majlis Bandaraya Pulau Pinang.....	29
2.7.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).....	31
2.7.2 Akta Warisan Kebangsaan 2005	32
2.7.3 Enakmen 14 Pulau Pinang.....	35
2.8 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang.....	36
2.8. 1 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).....	37
2.9 Jabatan Konservasi Pulau Pinang.....	38
2.10. Pemuliharaan Dan Pemeliharaan.....	41
2.11 Rumusan Bab.....	42
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan.....	43
3.2 Pendekatan Kajian.....	43
3.3 RekaBentuk Kajian.....	44
3.3.1.KaedahKualitatif.....	44
3.4.Pengumpulan Data.....	45
3.5.Instrumen Kajian.....	46
3.6 Data Primer.....	49
3.6.1.Kajian Lapangan.....	49
3.6.2 Pemerhatian.....	50
3.7 Temubual.....	51
3.7.1 Catatan.....	52
3.7.2 Fotografi Dan Perakam Suara.....	53
3.8 Data Skunder.....	54
3.8.1 Sumber Perpuskataan.....	54
3.8.2 Sumber Internet.....	55
3.9 Analisis Data.....	56
3.10 Rumusan Bab.....	58

BAB 4 : ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan.....	59
4.2 Sejarah Latar Belakang Jeti Clan.....	60
4.3 Nilai Kepentingan Warisan Di Jeti Clan.....	68
4.4 Nilai Budaya Tidak Ketara Di Jeti Clan.....	69
4.5 Nama Tuhan Dan Nama Kuil.....	70
4.6 Perayaan Thi Kong She.....	80
4.7 Pertandingan Bot Naga.....	81
4.8 Tarian Singa.....	83
4.9 Budaya Makanan.....	84
4.10 Jenis Makanan.....	86
4.11 Budaya Berniaga.....	91
4.12 Nilai Kepentingan Sejarah Jeti Clan.....	92
4.13 Nilai Budaya Ketara Di Jeti Clan.....	94
4.14 Seni Bina.....	96
4.15 Panjang Dan Bentuk Jeti.....	97
4.16 Struktur Rumah Dan Binaan Rumah.....	104
4.17 Usaha Pihak Berkuasa Dalam Memelihara Dan Memulihara Jeti Clan.....	108
4.18 Ngo Lain.....	124
4.19 Kesimpulanya.....	127

BAB 5 PERBINCANGAN ,CANDANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan.....	128
5.2 Perbincangan.....	129
5.3 Cadangan.....	133
5.4 Cadangan Kepada Pengkaji Berikutnya.....	135
5.5 Kesimpulanya.....	136

6.0 LAMPIRAN

7.0 RUJUKAN

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan kajian yang dijalankan. Di bahagian pengenalan ia menceritakan bahagian-bahagian kandungan kajian contohnya latar belakang, permasalah kajian, objektif kajian, pemasalahan kajian , lokasi kajian , skop kajian, kepentingan kajian dan rumusan kajian.

Di Bahagian Latar Belakang menceritakan sejarah jeti dan budaya. Terdapat budaya dan sejarah berbeza kerana kedatangan imigran daripada timur pada kurun ke -16. Oleh itu terdapat kepentingan warisan yang perlu dijaga dan dipulihara. Penceritaan mengenai tapak warisan yang telah diisytiharkan oleh UNESCO terhadap bandar Georgetown.Jeti Clan dianggap sebagai tempat bersejarah tetapi tidak dikenal. Sebaliknya pihak berkuasa tempatan hanya mengekalkan tapak tersebut. Di akhir penulisan, pengkaji akan menyakinkan kepada pembaca terhadap kepentingan sejarah di Jeti Clan tersebut.

Permasalah kajian pula menceritakan isu-isu yang terdapat Jeti Clan seperti pengawalan pemeliharaan dan pemuliharaan di jeti tersebut tidak diambil tahu oleh Pihak Berkuasa Tempatan tentang kerosakan dan kelemahan kawasan berkenaan. Selain itu, isu tentang kawasan tersebut berada di kawasan bersejarah (Core Zone) tetapi sejarah tidak dikenali oleh orang ramai.

Pembentukan utama dalam membuat kajian ialah objektif kajian dan persoalan kajian. Untuk mendapatkan objektif kajian persoalan harus dikemukakan. Contohnya mengenalpasti sejauhmanakah sejarah yang ada di

Jeti Clan tersebut. Dalam objektif kajian, kajian terhadap sejarah dan budaya didahulukan dan di teruskan dengan penelitian usaha dan kaedah yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan.

Lokasi Kajian menerangkan dimana tempat itu berada dan menunjukkan sedikit peta di bahagian kajian berkenaan, menceritakan keluasaan kawasan , dan persekitaran berkenaan. Skop kajian pula mengandungi penceritaan sedikit sejarah yang ringkas dan menulis tentang pihak berkuasa tempatan terhadap kawasan bersejarah.

Kepentingan Kajian pula mengandungi sejarah yang dipelihara dengan baik. Peranan pengkaji dalam menyakinkan pembaca dengan penulisan berkaitan kepentingan sejarah sedia ada. Contohnya kepentingan pihak berkuasa tempatan , masyarakat, dan menerangkan budaya dan sejarah kepada generasi akan datang.

Rumusan bab menceritakan isu-isu yang dibangkitkan mengikut bahagian-bahagian yang dipecahkan di dalam bab satu. Lebih dikenali sebagai kesimpulan kecil yang dibuat untuk menceritakan penuh bahagian-bahagian tersebut.

1.2 LATAR BELAKANG

Peranakan Cina dan Baba Nyonya merupakan sebuah keturunan daripada akhir tahun abad 16 dan 15. Nyonya merupakan panggilan untuk perempuan manakala Baba merupakan panggilan kepada lelaki. Oleh itu, penduduk di Melaka memanggil mereka sebagai "Nyonya Baba" selain daripada "Baba-Nyonya" di tempat lain. Georgetown juga dipisahkan seperti itu contohnya tajung dan town oleh masyarakat tempatan. bandar ini merupakan bandar metropolitan Pulau Pinang dan yang tertua selepas Melaka. Georgetown dibuka oleh Francis Light pada tahun 1786 dan dimodenkan oleh Dr. Lim Chong Eu . Bandar terbesar di wilayah utara. Georgetown juga diumumkan sebagai Tapak Warisan Dunia di Malaysia oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. Tumpuan utama selepas diumumkan sebagai Tapak Warisan Dunia ialah Kota Cornwalis. Kota ini dibina oleh Francis Light pada mulanya menggunakan kayu nibong tanpa binaan kekal. Kota ini dibina semula dengan batu bata pada tahun 1804 dan berbentuk empat bucu yang diletakkan di timur laut Pulau Pinang.

Tujuan kajian merupakan sebuah jambatan lama yang dibina sebelum kedatangan Francis Light. Jambatan ini diberi nama sebagai Jeti Clan berada berdekatan Pengkalan Weld, George Town. Pengkalan Weld merupakan sebuah jalan di pesisir sepanjang pantai timur Georgetown. Nama ini diberi sempena Perdana Menteri New Zealand dan dihubungkan dengan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu. Tempat di diajdikan sebagai projek tambak tanah secara besar-

besaran pada akhir abad ke-19. Pada zaman kegemilangan british Pengkalan Weld merupakan sebuah rumah kepada pelabuhan utama Pulau Pinang di Tanah Melayu . Oleh itu, Pengkalan Weld menjadi sebahagian daripada Tapak Warisan Dunia dan menyebabkan beberapa perubahan seperti hub pengangkutan utama contohnya Terminal Feri Raja Tun Uda.

Jeti ini mempunyai sejarah tersendiri dan menjadi tempat berlabuh kapal-kapal dagang sekitar tahun 1900 dan masih diwarisi oleh penduduk sekarang. Jeti ini terbahagi kepada beberapa jeti contohnya Jeti Koay, Jeti Lee, Jeti Lim, Jeti Peng Aun, Jeti Tan, Jeti Yeoh dan Jeti Clan campuran. Jeti Chew merupakan jeti yang terbesar dan panjang serta dikenali ramai orang, mempunyai laluan penjalan kaki yang terpanjang dan mempunyai paling banyak rumah yang dibina di atas tiang dalam air.

Walaupun Pulau Pinang diambil alih oleh pihak British , Jeti Clan masih lagi dikekalkan sehingga sekarang. Tetapi jeti ini bukan lagi menjadi tempat perlabuhan untuk kapal-kapal berdagang. Kebanyakkannya jeti menjadi pusat nelayan dan pelancongan serta tidak lagi asing di rakyat Pulau Pinang. Maksud jeti ialah barisan rumah-rumah kayu di atas tiang sepanjang laluan penajalan kaki atau dikenali sebagai kampung air. Jeti ini dijadikan tumpuan pelancongan memandangkan keadaanya tidak banyak berubah dan menyimpan sejarah awal Pulau Pinang dari aspek budaya dan komuniti. Hal ini menyebabkan komuniti jeti menerima kunjungan dari pelancong luar kerana keunikan bangunan dan cara hidup budaya.

Kebanyakan bangsa yang menetap di Jeti Clan ialah cina. Jeti ini unik dari segi aktiviti dan puak contohnya. Aktiviti tarian singa dan tarian naga untuk menarik minat pelancong. Terdapat juga perlumbaan perahu naga cina yang pertama di Pulau Pinang yang dibuat di Jeti Chew pada tahun 1956 dan 1852.

Oleh itu, sejarah Jeti Chew perlu dijaga kerana ia merupakan sebuah khazanah warisan. Kepentingan sejarah ini berupaya memberi imej dan identiti pada bandar dan budaya setempat, mempunyai nilai nostalgia, seni bina, estetik, simbolik, sejarah, sosial dan juga politik serta rohani. Lokasi dan kawasan persekitaran kawasan bersejarah berupaya untuk menarik minat pelancong seterusnya menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan.

Jeti Clan berada di kawasan tapak warisan. Hal ini disebabkan garis paduan yang dibuat oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Jeti Clan terletak di kawasan perlindungan warisan dan dinyatakan di dalam Conversion Management Plan (CMP) dan Special Area Plan (SAP). Jeti Clan dinyatakan sebagai kategori yang kedua, sejarah kawasan tersebut akan dikenalpasti dan tidak akan diubahsuai oleh pihak lain.

Oleh itu, menjadi kewajipan masyarakat dan pihak berkuasa tempatan untuk memelihara kawasan ini. Usaha menjaganya dapat mengekalkan nilai-nilai warisan budaya sebagai langkah ke arah pembentukan identiti reka bentuk tempatan dan mengekalkan nilai-nilai sejarah dan kenangan tentang kewujudan sebuah bandaraya. Untuk

memelihara kawasan berkenaan keyakinan dan kesedaran masyarakat diperlukan terlebih dahulu. Tujuan utama pengkaji megenalpasti sejarah dan budaya serta usaha pihak berkuasa untuk mengekalkan kawasan bersejarah berkenaan.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian ialah mengenal pasti situasi yang boleh dijadikan sebagai permulaan untuk membuat suatu penyelidikan. Setiap kawasan bersejarah lebih-lebih lagi yang mempunyai nilai pada kawasan tersebut pastinya terdapat tarikan tersendiri kepada pengunjung yang hadir. Tetapi persoalannya adakah pengunjung mendapat pengalaman yang berguna apabila melawat di tempat tersebut sehingga mereka merasa kagum terhadap warisan sejarah atau merasakan monumen tersebut hanya menjadi tempat persinggahan untuk “bergambar” yang tidak mempunyai nilai pada masyarakat.

Penyenggaraan secara asasnya merupakan amalan terbaik dalam pengekalan kawasan warisan. Walaubagaimanapun, persoalanya di sini, mengapa amalan ini sering diabaikan dan jika dilaksanakan mengapa implikasinya seringkali berubah-ubah. Mengikut Dann dan Cantell (2017), kunci utama kepada permasalah ini terbahagi kepada beberapa pihak berkuasa. Contohnya Majlis Pembandaran Pulau Pinang (MPPP) memilih untuk bertangguh daripada menjalankan penyenggaraan secara berterusan dan hanya bertindak apabila berlaku sesuatu kerosakan. Dalam erti kata lain

yang mudah, tidak ada sebarang tindakan penyenggaraan akan dilakukan sehingga kerosakan itu benar-benar menganggu dan terdapat justifikasi daripada sesetengah pihak beranggapan bahawa amalan penyenggaraan tidak membawa sebarang faedah dan manfaat dalam kawasan sejarah. Sikap ini dipercayai dipengaruhi oleh pasaran harta tanah yang dilihat gagal untuk memberikan penekanan terhadap kelemahan penyenggaraan sebagai penting dalam menentukan nilai pasaran.

Kedua ialah Jabatan Konservasi Warisan Pulau Pinang memerlukan perbelanjaan serta tidak mudah untuk diuruskan dan amalan penyenggaraan itu sendiri secara tradisinya dilihat sebagai profession yang berstatus rendah dan tidak popular. Walaupun penyenggaraan itu merupakan salah satu cabang di dalam bidang pengekalan dan pemuliharaan bangunan namun ianya masih belum dapat merubah persepsi ini.

Jeti Clan merupakan sebuah tumpuan pelancongan dan lokasi bersejarah. Tempat tersebut sedikit tersorok dengan arus pembangunan moden di Georgetown. Lokasinya berada di tepi laut mudah dijumpai dan menerima kunjungan setiap hari. Oleh itu, penambahbaikan harus dilakukan oleh pihak berkuasa jika belakunya kerosakan. Di samping itu, sejarahnya tidak dikenali oleh pelancong luar kerana Georgetown hanya terkenal dengan kedatangan barat meninggalkan kesan seperti pembinaan kubu, gereja dan sebagainya. Walaupun kedatangan rakyat China lebih awal daripada barat dan mendapat perlindungan oleh Sultan Kedah tetapi ia tidak

dikenali ramai. Oleh itu, permasalahan kajian ini menyiasat usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan dalam memelihara jeti tersebut tidak dijustifikasi walaupun kawasan berkenaan tertulis didalam Conservation Management Plan (CMP) tetapi hanya mengekalkan warisan bukan untuk membaik pulih kawasan berkenaan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah kepentingan sejarah dan budaya yang terdapat di Jeti Clan?
2. Mengenalpasti nilai kepentingan warisan di Jeti Clan?
3. Sejauhmanakah usaha pihak berkuasa dalam memelihara dan memulihara Jeti Clan?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif pada kajian ini:

1. Merungkai latar belakang sejarah di Jeti Clan.
2. Mengenalpasti nilai kepentingan warisan di Jeti Clan.
3. Menyiasat usaha pemeliharaan dan pemuliharaan oleh pihak berkuasa tempatan ke atas Jeti Clan.

1.6 LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian yang dilakukan bertumpu di Georgetown, Pulau Pinang. Kajian ini berdekatan dengan Pengkalan Weld yang menjadi tumpuan pelancongan dari segi pengangkutan kerana mempunyai feri dan bas. Jeti Clan berhampiran dengan laut dan berhampiran dengan bandar pelancongan bersejarah iaitu Georgetown. Lokasi ini menjadi sebagai penempatan nelayan yang dikekalkan dari dahulu lagi.

Jeti ini menjadi keluaran modal bagi penempatan sebagai nelayan sejak dari awal kedatangan British di Pulau Pinang. Pada zaman Kesultanan Melayu Kedah beberapa pedagang dari China datang untuk menetap di Pulau Pinang dengan berkhidmat bawah Sultan Kedah, dan mendapat jaminan perlindungan. Maka tertubuh beberapa clan di beberapa buah jeti serta menjadi perlabuhan pertama di Pulau Pinang.



Rajah 1.1: Peta Lokasi Jetty Clan

Sumber : Google Images

1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah batasan atau had yang ditetapkan untuk melaksanakan sesuatu penyelidikan. Skop boleh dinilai dari segi pembolehubah, sampel, instrumentasi dan generalisasi. Skop ini juga berfungsi supaya kajian yang dilakukan tidak terpesong dan selari dengan topik yang sebenar. Kajian terhadap sejarah dan budaya yang terdapat di Jeti Clan . Selain itu, Mengenalpasti usaha dan kaedah kerajaan negeri dalam memelihara dan memulihara Jeti Clan juga berada dalam skop kajian.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang merupakan satu kawasan pentadbiran tempatan di kawasan Pulau dan Bandaraya Georgetown. Pada 15 Disember 1976, Lembaga Pergurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang telah digantikan dengan penguatkuasa Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang telah bersetuju pada 25 Jun 2010 agar Majlis Perbandaran Pulau Pinang dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang berpandukan peruntukan bawah seksyen 4(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan cadangan persempadanan baru kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang merupakan satu kawasan pentadbiran tempatan di kawasan Pulau dan Bandaraya Georgetown. Pada 15 Disember 1976, Lembaga Pergurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang telah digantikan dengan penguatkuasa Akta Kerajaan

Tempatan 1976. Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang telah bersetuju pada 25 Jun 2010 agar Majlis

Perbandaran Pulau Pinang dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang berpandukan peruntukan bawah seksyen 4(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan cadangan persempadanan baru kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Dewan Bandar Raya ialah jumlah penduduk tidak 500000 orang dan hasil tahunan PBT hendaklah melebihi RM 100 juta. Majlis pembandaran lebih tertumpu kepada bandar jika dibandingkan dengan Majlis Daerah dan mempunyai penduduk dan hasil melebihi Majlis Daerah . Kriteria bagi Majlis Perbandaran ialah jumlah penduduk yang melebihi 150 000 orang dan hasil tahunan melebihi RM 2 juta.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang merupakan satu kawasan pentadbiran tempatan di kawasan Pulau dan Bandaraya Georgetown. Pada 15 Disember 1976, Lembaga Pergurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang telah digantikan dengan penguatkuasa Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang telah bersetuju pada 25 Jun 2010 agar Majlis Perbandaran Pulau Pinang dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang berpandukan peruntukan bawah seksyen 4(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan cadangan persempadanan baru kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk memperoleh dapatan terbaharu hasil dari selepas penyelidikan dan objektif yang dicipta dengan azam yang kukuh. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan nilai warisan yang terdapat pada Jeti Clan supaya masyarakat lebih menghargai khazanah yang ditinggalkan oleh masyarakat dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana kedatangan imigran cina pada Zaman Kesultanan Melayu Kedah menunjukkan bukti di Pulau Pinang. Hal ini kerana jeti ini masih lagi wujud bagi membuktikan sejarah tersebut. Terdapat kepentingan kajian yang boleh didapati dalam kajian antaranya :

- 1) Mengubah pandangan masyarakat berkenaan kepentingan memelihara jeti bersejarah seperti Jeti Clan bagi tujuan pendidikan kepada generasi akan datang. Hal ini disebabkan sejarah yang dibawa boleh dijadikan sebagai sumber pembangunan ekonomi,sosial, budaya dan sebagainya.
- 2) Membantu pihak kerajaan dalam mengambil langkah tertentu terhadap Jeti Clan supaya menjadi destinasi pelancongan terpilih . Jeti dimasukan sekali dengan kawasan bersejarah, walaupun tidak dikategori dalam kandungan pertama, kedatangan imigran Cina ke tanah Pulau Pinang harus diketahui lebih terperinci
- 3) Menerangkan budaya lama Jeti Clan yang dikekalkan sehingga sekarang sebagai penempatan bersejarah yang maju. Hal ini dikatakan demikian kerana kawasan bersejarah Jeti Clan perlu

dipelihara agar budaya lama dapat direkodkan dan diterangkan kepada generasi sekarang dan seterusnya.

1.9 RUMUSAN BAB

Jeti Clan menjadi lokasi pilihan dalam melakukan kajian mengenai tahap sejarah yang terdapat di situ sehingga mempengaruhi kehadiran pengunjung. Hal ini dapat dilihat kepentingan kawasan warisan bukan sahaja sebagai tempat untuk mengenal sejarah tempatan malah menjadi punca daya tarikan sektor pelancongan ke negeri Pulau Pinang melalui kehadiran pengunjung dari pelbagai latar belakang. Pengunjung yang hadir pastinya mahukan pengetahuan yang belum dipelajari sekiranya datang melawat ke tempat bersejarah. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab perlu meningkatkan kualiti dalam menjaga tempat berkenaan dengan memberi kemudahan yang selesa bagi pengunjung. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak berkepentingan dalam mewujudkan satu inisiatif dalam bentuk fizikal mahupun tidak dalam memberi kesedaran kepada pengunjung terhadap menjaga warisan yang menjadi identiti sesuatu bangsa.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN.

Kajian penyelidikan adalah kaedah akademik yang diterapkan di dunia dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan masyarakat. Proses penyelidikan dalam mencapai objektif kajian akan mempunyai kerangka yang lengkap termasuk metodologi. Tinjauan literatur mengutamakan proses perencanaan yang melibatkan reka bentuk kajian yang dapat dibahagikan kepada eksperimen boleh dikategorikan ke dalam kajian eksperimental sebenar dan separa eksperimen. Kajian bukan eksperimental boleh dibahagikan kepada tinjauan eksperimental,kajian lapangan, kajian kes, kajian tindakan dan kajian sejarah. Kajian literatur lebih kepada proses pengumpulan data pada masa sebelum semasa dan selepas sehingga tidak akan melibatkan sebarang masalah, kesalahan dan kecerobohan. Kajian literatur ialah satu bentuk pengumpulan maklumat yang diperolehi dari sumber sekunder seperti buku, surat khabar, majalah dan sumber lain yang sesuai. Maklumat ini mengandungi fakta-fakta atau kajian yang telah dihasilkan oleh orang lain berkaitan dengan topik tertentu sahaja. Dalam kajian literatur ini pengkaji ingin menekankan mengenai sejarah, budaya dan usaha yang diambil oleh pihak berkuasa dalam memelihara jambatan bersejarah Jeti Clan. Bab ini juga menerangkan kajian keatas kepentingan sejarah dan budaya yang boleh mempengaruhi kepuasan pengujung ke Jeti Clan.

2.1 DEFINISI KAWASAN BERSEJARAH:

Kawasan bersejarah merupakan ciri fizikal yang terdiri daripada tinggalan-tinggalan dari tamadun-tamadun yang lepas. Ia meliputi senibina, landskap, arkeologi dan artifak yang masih bertahan sehingga ke hari ini. Tempat-tempat yang mempunyai kaitan sejarah, agama dan upacara mistik adalah sumberjaya bersejarah walaupun kaitan sejarah, agama mistik adalah sumberjaya bersejarah walaupun berubah secara fizikal dan tiada lagi tinggalan-tinggalan bersejarah di situ. Di Malaysia, beberapa tempat tinggalan bersejarah popular meliputi Lembah Bujang (Kedah), Georgetown (Pulau Pinang), Taiping (Perak) dan Bandar Lama (Melaka), menjadi tumpuan pelancong setiap tahun. Kedatangan pelancong ke tempat-tempat ini bertujuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan melihat tinggalan-tinggalan bersejarah yang unik hasil penjajah zaman kolonial dahulu. Kemasukan ramai pelancong menyumbangkan pelbagai impak terhadap destinasi meliputi penjanaan peluang-peluang ekonomi, peningkatan kualiti kemudahan dan perkhidmatan, pemeliharaan terhadap tinggalan bersejarah dan sebagainya.

2.2 SEJARAH

Sejarah sebagai ilmu, membawa langkah-langkah dalam penelitian sejarahnya sehingga sejarah sebagai ilmu yang sifat ilmiah. Objek sejarah sebagai sebuah ilmu sama dengan ilmu sosial yang lainnya manusia dan masyarakat yang membawa kepada perubahan,proses, waktu, tempat dan bersifat diakronik sehingga membezakan ilmu sejarah dengan ilmu sosial yang lain. Ilmu sejarah bersifat diakronik berdasarkan waktu pada masa lampau.Ilmu sejarah lebih menfokuskan pada proses sedangkan ilmu sosial lainnya berfokus pada strukturnya.

Pendukung sejarah sebagai ilmu, sebagai pengikut mempunyai objek, generasi dan sejarah mempunyai metode seperti ilmu-ilmu lainnya. Sejarah berupaya mejelaskan kebenaran,keadaan yang sebenarnya melalui metodologinya. Apabila sejarah dibandingkan dengan ilmu lain maka tidak dapat kerana mempunyai paradigma.

Maksud sejarah dalam Dewan Bahasa Dan Pustaka , sejarah ialah asal-usul,salasilah ,peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau,kisah,riwayat. Cerita yang yang disangka dongeng menjadi fakta setelah dijumpai bukti-bukti yang mengesahkan. Ilmu dan kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang telah lalu. Selain itu ia bersifat umum mengenai seluruh dunia, menayakan asal usul dan mengandungi sejarah. Contohnya Melaka ialah sebuah bandar yang mengisahkan ,sejarah tentang watak perwira Hang Tuah dilukiskan dengan amat terbatas sekali sesuai dengan sejarah Melayu.

Sejarah bermaksud ilmu yang diperolehi melalui pekara penyiasatan adalah penemuan, pengumpulan, pegurusan dan persempahan maklumat terhadap peristiwa silam atau lampau. Ia juga bermaksud tempoh masa lalu selepas catatan penulisan telah dicipta. Ilmuan yang menulis mengenai sejarah dipanggil sejarawan. Ia juga ada satu medan penyelidikan yang menggunakan suatu naratif atau pengisahan untuk memeriksa dan menganalisa turutan peristiwa dan kadangkala ia cuba untuk menyiasat secara objektif corak-corak sebab dan akibat yang menilai peristiwa.

2.3 KEPENTINGAN WARISAN

Terdapat pelbagai definisi digunakan untuk menerangkan mengenai warisan. Kefahaman amat perlu dalam memahami istilah yang digunakan dalam menerangkan maksudnya. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat(2007) telah menerangkan definisi warisan sebagai sesuatu yang diterima secara turun-menurun oleh sesorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Ini bermaksud setiap perilaku dan kreativiti mereka perlu dimiliki dan diterima oleh setiap masyarakat tanpa mengenai generasi terdahulu.

Definisi ini juga disokong oleh Akta Harta Benda Purba,1976 yang menyatakan apa juar tinggalan turun menurun sama ada ia buatan atau semual jadi yang alih atau tidak alih dan yang nampak atau tidak nampak. Warisan ini dimaksudkan hasil yang perbuatan terdahulu yang menjadi kegunaan masyarakat kini dan menjadi sebahagian alatan kehidupan mereka dalam meneruskan kehidupan.

Selain itu, terdapat juga definisi lain yang dikemukakan dengan penambahan maksud definisi yang mengikut Akta Harta Benda Purba 1976 seperti dinyatakan di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Akta ini menjelaskan warisan adalah seperti warisan kebangsaan, mana-mana tapak warisan,objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan.Maksud ini terkandung di Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan.

Ketiga-tiga definisi itu menjelaskan bahawa warisan adalah satu peninggalan generasi terdahulu kepada generasi kini melalui hasil-hasil perbuatan tangan, pemikiran,falsafah dan kreativiti mereka. Ini yang menggambarkan warisan adalah cara kehidupan masyarakat meneruskan kehidupan dan mengubah suai mengikut situasi dana cabaran hidup.

Kepentingan memelihara warisan kebangsaan adalah menjadi daya tarikan pelancong sama ada pelancong domestik mahupun antarabangsa. Pengekalan bahan-bahan tinggalan penjajah telah menarik hati para pelancong untuk melihat keunikan ciptaan masyarakat terdahulu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi peningkatan bilangan pelancong di bandar warisan seperti Georgetown,Melaka dan Kota Baharu yang amat ketara dalam tempoh 1990 hingga 1997. Ini bermakna,warisan kebangsaan merupakan salah satu penyebab utama industri pelancongan begitu rancak sekaligus menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

2.4 KEPENTINGAN BUDAYA

Budaya merupakan tamadun, peradaban, kemajuan, fikiran, akal budi menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka. Bersifat budaya yang mengenai kebudayaan sudah maju. Ilmu antropologi ialah sebuah ilmu barat yang dianggap mempunyai unsur-unsur buruk atau negetif. Contohnya cerita rakyat, adat, pakaian tingkah laku yang diwarisi oleh sesuatu masyarakat atau bangsa, budaya, memiliki cara berfikir dengan akal budi yang sudah maju. Budaya menjadi ialah sebuah kebiasaan atau kezaliman. Di negara ini membudayakan ialah mengajar dan mendidik seseorang supaya berbudaya, berfikir secara ilmiah bertujuan untuk masyarakat membiasakan sesuatu perbuatan yang baik. Contohnya Melaka merupakan pusat melayu sebelum kedatangan orang barat, pembudayaan proses atau cara membudayakan sesuatu pemikiran.

Warisan budaya di Malaysia terdiri daripada pelbagai bentuk, falsafah, dan lambang budayanya. Ini mewujudkan keunikan yang dimiliki oleh negara Malaysia. Keunikan ini perlu dipelihara dan dijaga oleh setiap bangsa atau etnik yang mendiami bumi Malaysia. Ini kerana setiap budaya itu merupakan identiti sesuatu bangsa dan etnik. Warisan budaya boleh ditakrifkan sebagai warisan ketara dan tidak ketara. Pertejemahan istilah ini merujuk kepada peristilahan yang dikemukakan oleh UNESCO dalam menerangkan maksud warisan budaya ketara dan tidak ketara (UNESCO, 1972).

Sebelum dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 diwartakan terdapat beberapa, akta yang berhubung dengan warisan budaya. Ini kerana setiap akta yang ada itu berdasarkan kepada kepentingan organisasi atau bertanggungjawab yang menyelia dan mengawal warisan budaya. Ini menyebabkan setiap akta tersebut hanya dikuatkuasakan dan dilaksanakan secara berasingan. Akta-akta itu merujuk kepada bidang kuasa Pihak Bandaran dan Tempatan(PBT) atau kerajaan. Ini hanya atau kerajaan. Ini hanya pandukan terhadap hak penyelia dan kawalan ke atas warisan budaya itu.Namun, apabila akta yang sedia ada dipakai maka akta yang diwartakan oleh PBT dan kerajaan ini dimansuhkan dan tidak boleh diterimapakai. Ia masih terdapat kelemahan dan kekurangan dalam melindungi dan mengekalkan warisan budaya. Akta yang sedia ada itu masih dalam bentuk yang kurang jelas mengenai warisan budaya tidak ketara. Warisan budaya itu tidak dinyatakan secara jelas dan tidak dirangkumkan di dalam akta tersebut. Malah ia juga bertindan dan berlakunya pertindihan dalam bidang kuasa dan perlaksanaanya.

2.4.1 WARISAN BUDAYA KETARA

Menurut Akta Warisan Kebangsaan warisan budaya ketara boleh diterjemahkan sesuatu benda yang boleh diturun-temurunkan kepada generasi akan datang dengan tambah nilai sendiri. Ia terdiri daripada gunung, sungai, masjid, candi, bangunan, monumen, pekan, makam, pantai, manuskrip, karangan-karangan lama dan baru diberi nilai tinggi oleh masyarakat, artifak sejarah dan pemuziuman yang tergolong dalam warisan tapak. Ini semua tergolongan dalam kelompok Kawasan,monument dan bangunan.

Budaya ketara atau juga budaya bersifat benda merupakan antara warisan budaya yang dapat dilihat dengan pancaindera termasuk objek, butiran, artifak, struktur pembentukan yang paling penting dari segi sejarah atau semasa sama ada wujud di atas tanah atau dibawah air tetapi tidak termasuk dalam warisan semula jadi . Warisan Budaya Ketara disifatkan sebagai warisan yang stabil, statik dan mempunyai ciri -ciri tulen. Nilai ketulenan yang terdapat dalam budaya ketara ialah bukti dalam bahan-bahan berdasarkan nilai-nilai fizikal atau kesetiaan kepada objek.

Ketulenan ini juga dapat dilihat melalui ciri-ciri visual yang terdapat dalam budaya ketara. Ciri-ciri tersebut menjadi ikon identiti dan mempunyai nilai sejarah yang tersendiri. Tambahan pula, unsur budaya yang ditonjolkan menjadi sumber asas dalam memahami perhubungan atau kaitan kompleks antara warisan,memori dan identiti. Selain itu, walaupun budaya ketara boleh ditiru,dipalsukan atau dibina semula menggunakan bahan-bahan baru, namun identiti dan entiti

fizikal tidak dapat dipalsukan. Pada masa yang sama, hal ini menunjukkan bahawa budaya ketara merupakan warisan dari masa lalu yang kekal hingga kini. Hal ini kerana budaya ketara tersebut ditentukan oleh pemahaman maklumat luaran sumber-sumber tersendiri dengan bukti penemuan yang dijumpai.(Henry Cleere, 1984: 4-5).

Sementara itu, pembahagian budaya ketara menurut World Heritage Convention (UNESCO,1995), budaya ketara statik terbahagi kepada 3 kategori, iaitu monument,kelompok bangunan dan kawasan bersejarah. Pembahagian monument dalam konteks ini merupakan hasil karya tukang seni,patung,lukisan monumen,elemen atau struktur tinggalan arkeologi,,gua tempat tinggal, dan kombinasi ciri-ciri tertentu yang mempunyai nilai sejarah budaya dan ilmu pengetahuan. Kelompok bangunan pula mempunyai nilai sejarah budaya dan imu pengetahuan. Kawasan sejarah pula adalah hasil karya manusia atau gabungan karya manusia dengan alam,wilayah yang mempunyai lokasi dan mengandungi tinggalan arkeologi yang mempunyai nilai penting kepada aspek penghijrahan,budaya dan ilmu pengetahuan. Kawasan sejarah yang dikategorikan sebagai budaya extra pula merupakan kawasan yang menempatkan objek atau produk budaya ketara tersebut (UNESCO,1995).

Pemilihan fokus hanya tertumpu kepada budaya ketara disebabkan terdapat keistimewaan dan kelebihan yang terkandung di sebalik wujudnya tersebut. Dalam pembinaan sesebuah peradaban, elemen material dan nilai moral adalah sangat penting. (Wan Hashim Wan The,2001 : 72).

2.4.2 WARISAN BUDAYA TIDAK KETARA

Warisan budaya tidak ketara boleh dijelaskan sebagai aspek Bahasa dan perbahasaan,nyanyian, tradisi dan cerita lisan rakyat. Warisan budaya tidak ketara yang diperolehi daripada kajian lebih banyak berkaitan dengan adat resam dan patang larang dalam pelbagai etnik di Malaysia. Di antara warisan budaya yang terhasil daripada budaya dan kerpercayaan walaupun berbeza antara mereka seperti puja buka kampung,puja semangat padi,puja pantai,ritual semasa kelahiran, perkawinan dan kematian, ritual pengubatan dan tolak bala. Di kalangan masyarakat Melayu menganuti ajaran islam masih terdapat mereka mengamalkan kepercayaan warisan seperti puja semangat padi (Mohd Taib Osman,1988: William R, Roff 1974 & Hanapi Dollah dan Lokman mohd Zen,1995). Mereka yang berkerja di sawah padi masih menggunakan beberapa amalan atau petua yang diwarisi supaya memperoleh hasil tuaian padi yang banyak. Begitu juga, etnik peribumi Sarawak dan Sabah mempunyai pelbagai amalan yang berkaitan dengan semangat padi. Mereka percaya ,semangat padi dapat memberi kesuburan dan menjamin keselamatan daripada kemusnahan dan kerosakan padi.

Kehidupan harian masyarakat Melayu juga masih mengamalkan amalan dan patang larang iaitu adat melenggang perut hanya dilaksanakan kepada wanita hamil pertama kali yang bertujuan menentukan kedudukan,jantina dan menghindar bayi daripada segala perbuatan berkaitan dengan gangguan (Zainal Abidin Borhan,1996). Masyarakat Melayu masih mengamalkan ritual memotong rambut bayi

atau dikenali sebagai mencukur jambul sebelum diberikan nama sebenar bayi atau selepas tujuh hari kelahiran bayi di dalam keluarga itu. Begitu juga masyarakat India, wanita hamil perlu menjalani upacara ritual melenggang perut pada hamil tujuh bulan untuk menghindari ibu dan anak daripada semangat jahat yang disebut Valaikappu dan Cimanthan (Hood Salleh, 2006). Oleh itu, Masyarakat India turut melakukan upacara ritual cukur rambut. Ritual dijalankan selepas bayi berumur sebulan dengan tumbuh rambut pertama untuk di persembahkan kepada Dewa Ganesha dan Sembilan bulan (Navagraham).

Warisan budaya tidak ketara juga berkaitan dengan perayaan disambut mengikut kepercayaan yang diamalkan oleh perlbagai etnik peribumi dan golongan imigran di Malaysia. Perayaan besar atau kecil bergantung kepada kepentingan peristiwa atau kejadian yang berlaku dalam masyarakat. Masyarakat Melayu menyambut kedua-dua perayaan bulan Islam iaitu Hari Raya Puasa (Aidilfitri) dan Hari Raya Haji (Aidiladha) sebagai tanda kebesaran kepada Allah S.W.T dengan mengadakan majlis secara serdahana serta nikmat yang diberikan (Mohammad Anwar Omar Din, 2008). Imigran cina turut mengadakan perayaan mengikut kepercayaan mereka seperti perayaan Tahun Baharu Cina, membersihkan kubur, Hari Wesak, perayaan Hantu Lapar dan perayaan Kuih Bulan (Abu Talib Ahmad, 2012). Masyarakat Cina masih mengamalkan perayaan mengikut adat kepercayaan warisan diperturunkan sehingga kini dan dinikmati generasi mudanya. Imigran India sehingga kini masih merayakan

perayaan seperti Deepavali dan Thaipusam di samping perayaan-perayaan bersifat kecil disambut di kuil-kuil dan rumah.

2.5 PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI MALAYSIA

Sistem kerajaan tempatan yang diamalkan di Malaysia telah diwarisi daripada British yang memerintah Tanah Melayu selama lebih 2 kurun sebelum kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957. Maka, kerajaan tempatan yang ditubuhkan pada permulaanya adalah bermodelkan sistem yang wujud di Britain. Dalam kaji selidik yang lebih mendalam telah mendapati bahawa kebanyakan undang-undang dan peraturan yang wujud ketika itu hampir sama dengan undang-undang inggeris. Tetapi dalam peredaran masa, ciri-ciri unik yang mencerminkan sosio-budaya tempatan mula mempengaruhi perjalanan kerajaan tempatan di Malaysia.

Sebuah badan yang dipanggil Majlis Penilai telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1801. Majlis ini diberi peranan merancang dan melaksanakan pembangunan bandar. Hal ini seterusnya membawa kepada penubuhan kerajaan tempatan di negara ini. Majlis-majlis tempatan kemudian dibentuk di Melaka, diikuti dengan negeri-negeri Melayu yang lainnya sehingga Sabah dan Borneo Utara. Bagi melaksanakan penubuhan ini dan menganjurkan pilihan raya kerajaan tempatan, pihak british telah memperkenalkan pelbagai perundangan. Sebagai contoh, Ordinan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1950 memberi kuasa kepada majlis-majlis tempatan untuk menganjurkan pilihan raya. Selain itu, Ordinan Kerajaan Tempatan 1952 pula memberi kuasa kepada penduduk-

penduduk setempat membentuk majlis-majlis tempatan di mana perlu. Pada penghujung era penjajahan British, terdapat sejumlah 289 majlis tempatan di Tanah Melayu. Selepas kemerdekaan dicapai pada tahun 1957, kuasa ke atas kerajaan tempatan diletakkan ke dalam senarai negeri.

Pada 60-an pasca-Merdeka merupakan zaman yang amat mencabar bagi majlis-majlis tempatan. Pemasalahan dalaman berkaitan pentadbiran dan politik yang dihadapi oleh Kerajaan Tempatan dan Konfrontasi Indonesia terhadap penubuhan Malaysia pada tahun 1963, telah memaksa penggantungan pilihan raya kerajaan tempatan.

Masalah-masalah yang dialami oleh kerajaan tempatan pada tahun 1960-an telah diburukkan lagi dengan kewujudan pelbagai jenis majlis tempatan dan juga dengan kerumitan penguatkuasaan pelbagai ordinan, enakmen, undang-undang kecil dan peraturan yang berbeza-beza. Sehingga awal dekad 70-an, pertambahan unit-unit kerajaan tempatan ini menyaksikan wujudnya entiti yang mentadbir kawasan setempat dalam jumlah yang agak banyak. Di Semenanjung Malaysia sahaja terdapat sebanyak 374 buah majlis tempatan. Maka kerajaan merasakan wujudnya keperluan mengkaji semula dan merombak sistem kerajaan tempatan di Malaysia bagi memperbaiki gerak kerjanya. Sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ke atas perjalanan Kerajaan Tempatan di Malaysia Barat, yang pertama seumpamanya telah ditubuhkan pada tahun Jun 1965. Suruhanjaya ini telah mengadakan pelbagai mesyuarat dan perbincangan, di samping menerima perlbagai memorandum daripada banyak pihak dan telah

berjaya menyiapkan satu kaji selidik yang menyeluruh tentang selok-belok operasi kerajaan tempatan di Semenanjung Malaysia.

Kesemua saranan Suruhanjaya Diraja itu tidak diterima, kebanyakannya penemunya telah dijadikan asas untuk menyusun semula keseluruhan sistem kerajaan tempatan di Malaysia. Bertunjangkan cadangan Suruhanjaya Diraja tersebut, pengubalan dan penguatkuasaan undang-undang baru mentadbir hal-ehwal kerajaan tempatan yang diberi nama Akta Kerajaan Tempatan dilakukan dengan berperingkat-peringkat. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memulakan penyusunan semula itu dengan memperkenalkan Akta Kerajaan Tempatan 1973.

Akta ini memberi peruntukan perlombagaan sementara kepada kerajaan Persekutuan untuk mengkaji semua undang-undang berkaitan kerajaan negeri. Hasilnya terbentuk tiga undang-undang baharu seperti Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Bandar dan Desa 1976.

Oleh itu terdapat peruntukan undang-undang di Perlombagaan dan Akta Parlimen. Perlombagaan Persekutuan Malaysia meletakkan kuasa mentadbir kerajaan tempatan kepada kerajaan negeri. Bagi kerajaan tempatan di Wilayah Persekutuan pula, hak eksklusif ini diberikan kepada kerajaan persekutuan. Namun begitu, pindaan perlombagaan pada tahun 1960 telah memperuntukkan penubuhan sebuah jawatankuasa perunding yang diberi nama Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Keahlian di dalam majlis ini terdiri daripada

seorang Menteri persekutuan selaku pengurus, wakil kerajaan negeri dan juga wakil-wakil kerajaan Persekutuan.

Akta parlimen pula telah digubal bagi mengawal operasi Kerajaan Tempatan di Malaysia. Akta yang paling berpengaruh ialah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Akta ini menggariskan bentuk, struktur organisasi, tugas dan tanggungjawab kerajaan tempatan secara menyeluruh. Pada masa yang sama, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 juga digubal bagi mengatasi kelemahan perancangan guna tanah di kawasan tempatan.

2.6 PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Majlis atau Dewan Bandar Raya ialah Majlis Perbandaran yang dinaik-taraf kepada bandar raya setelah memenuhi kriteria tertentu. Di antara kriteria bagi Majlis atau Dewan Bandar Raya ialah jumlah penduduk tidak 500000 orang dan hasil tahunan PBT hendaklah melebihi RM 100 juta. Majlis pembandaran lebih tertumpu kepada bandar jika dibandingkan dengan Majlis Daerah dan mempunyai penduduk dan hasil melebihi Majlis Daerah . Kriteria bagi Majlis Perbandaran ialah jumlah penduduk yang melebihi 150 000 orang dan hasil tahunan melebihi RM 2 juta. Majlis Daerah lebih tertumpu kepada luar bandar . Kriteria bagi Majlis Daerah ialah jumlah penduduk kurang daripada 150 000 orang dan hasil tahunan kurang daripada 20 juta. Di Malaysia terdapat sebanyak 149 buat PBT iaitu 12 buah Dewan Bandaraya ,39 buah Majlis Perbandaran dan 98 buah

Majlis Daerah. Terkini ialah Majlis Daerah Putatan. Majlis Daerah Pitas, Sabah.

2.7 MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Majlis Bandaraya Pulau Pinang merupakan satu kawasan pentadbiran tempatan di kawasan Pulau dan Bandaraya Georgetown. Pada 15 Disember 1976, Lembaga Pergurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang telah digantikan dengan penguatkuasa Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang telah bersetuju pada 25 Jun 2010 agar Majlis Perbandaran Pulau Pinang dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang berpandukan peruntukan bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan cadangan persempadanan baru kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Pada 28 Mac 2013 Pihak Berkuasa Negeri di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya secara pemberitahuan melalui warta bahawa sempada kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang diubah dengan menambah kawasan tebus guna. Selaras dengan itu, pihak Kerajaan Negeri telah membentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam pada 9 April 2014 mengenai penambahan semapadan (tebus guna) kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang iaitu sebanyak 8.773 km persegi menjadikan keluasan Majlis kini 30.577.3 km persegi . Pembentangan tersebut juga merangkumi penambahan jawatan sebanyak 388, menjadikan jumlah perjawatan kini sejumlah 3964.

Pengiktirafan Majlis Bandaraya Pulau Pinang memperlihatkan penambahan empat jabatan baru iaitu Jabatan Landskap, Jabatan Warisan, Jambatan Penguatkuasa dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal. Justeru, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 7 November 2014 telah bersetuju dengan candangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengubah sempadan MPBP dan seterusnya menaik taraf MPBP ke MBPP berkuatkuasa 1 Januari 2015 pada 10 Mac 2015.



2.7.1 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)

Akta Kerajaan Tempatan 1976 dalam Akta 171 hanya terhad digunakan di semenanjung Malaysia bukan di Sarawak dan Sabah. Akta ini wujud akibat penyusun semula dan menyatukan undang-undang berhubung dengan kerajaan tempatan. Akta ini mempunyai 16 bahagian dan dibahagikan kepada 166 seksyen yang meliputi pelbagai hal berkaitan dengan fungsi dan peranan kerajaan tempatan. Namun begitu, beberapa peruntukan mengenai harta khazanah diperuntukkan. Beberapa peruntukan yang berkaitan seperti pengecualian undang-undang kecil termaktub pada Seksyen 102 membolehkan dari semasa ke semasa membuat,pindaan dan membatalkan undang-undang kecil mengenai segala perkara yang perlu atau diingini untuk memelihara kesihatan, keselamatan penduduk untuk mengadakan aturan dan pengelolaan yang baik bagi kawasan pihak berkuasa tempatan dan khususnya mengenai segala mana-mana daripada maksud berikut. Peruntukan Seksyen 102 jelas menyatakan kerajaan tempatan boleh mengadakan peruntukan bagi penubuhan, peraturan dan pengurusan mana-mana taman awam, jalan bersiar-siar,taman reaksi, kebun bunga,kolam renang, tasik , stadium , tempat atau bangunan bersejarah.

Kerajaan tempatan juga diberikan peruntukan seksyen 101 (1) mengenai kuasa tambahan bagi kerajaan tempatan. Kerajaan tempatan mempunyai hak melakukan pelbagai aktiviti dalam kawasan pentadbiranya. Tidak ada pihak yang boleh menghalang kerana peruntukan undang-undang itu jelas menyatakan kuasa tambahan

yang membolehkan melakukan segala-segalanya mengikut mana-mana yang tidak bercanggah. Peruntukan Seksyen 101 (1) mengatakan kuasa tambahan diberikan kepada kerajaan tempatan itu iaitu menyenggara atau memberi sumbangan kepada penyenggaraan bangunan atau tempat bersejarah dan memperoleh mana-mana tanah, bersama dengan bangunan atau tidak , bagi maksud atau berkaitan dengan mengadakan taman awam,kebun bunga, taman reaksi, padang permainan dan pusat masyarakat atau bagi maksud atau berkaitan dengan menyenggara bangunan dan tempat bersejarah.

2.7.2 AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah digubal pada Januari 2005 sebagai Akta Harta Benda Purba1976 (Akta 168) dan Akta Harta Karun 1957 (Akta 524). Ini bermakna Akta 168 dan Akta 542 tidak boleh diterima pakai kerana telah dimansuhkan. Oleh itu, semua yang membabitkan akta-akta terdahulu tidak sah dan boleh dipertikaikan kesahihannya. Selain itu, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mempunyai hubungan dengan warisan masih berkuatkuasa.

Akta 645 jelas menyatakan tanggungjawab dan perananya dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan warisan. Selain itu, Akta 645 merupakan undang-undang yang boleh menjana penyelidikan dan promosi pelbagai aspek berkaitan harta warisan (Abdul Aziz Hussain 2011). Bidang pemuliharaan dan pemeliharaan harta warisan meliputi semua yang berkaitan dengan warisan seperti warisan

budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan semula jadi , warisan di bawah air dan tokoh orang hidup yang berkaitan dengan warisan..

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) juga memberi bidang kuasa kepada Pesuruhjaya untuk mendaftar warisan. Pesuruhjaya dibolehkan menentukan sesuatu warisan yang boleh diangkat sebagai Warisan Kebangsaan seperti dinyatakan pada peruntukan seksyen 23(1). Pada Seksyen 23 menyatakan dengan jelas tugas dan tanggungjawab Pesuruhjaya untuk mewujudkan Daftar Warisan dan menyenggarakan sesuatu daftar sebagaimana yang ditetapkan yang mengandungi senarai butiran warisan yang didaftarkan.

Keunikan Aktan Warisan Kebangsaan 2005(Akta 645) adalah diperuntukan satu seksyen yang berkaitan dengan kawasan pemuliharaan bagi melindungi tapak warisan daripada diceroboh dan dimasuki secara haram. Kawasan pemuliharaan telah diperuntukan keapda pihak berkuasa tempatan untuk menentukan tapak warisan. Seksyen 459 telah hendak dipulihara dan pelihara perlu mengikut pelan pengurusan pemuliharaan dengan mengadakan zon penampanan di sekeliling suatu pusat utama atau di sekeliling tapak yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah memberi kuasa kepada Menteri untuk mengistiharkan mana-mana tapak warisan objek, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang sebagai suatu Warisan Kebangsaan. Pengisytiharaan oleh

menteri boleh telah mengangkat kedudukan harta warisan sebagai sesuatu yang amat sesuai dan bernilai yang dapat memberi sumbangan keapda negara. Pengisytiharan warisan kebangsaan dilakukan melalui Warta Kerajaan yang disenaraikan pada Daftar Warisan. Namun begitu, Menteri boleh membuat pertimbangan sebelum mengisyiharkan Warisan Kebangsaan, beberapa kepentingan yang perlu dilihat dan diambil perkiraan. Contohnya dalam Seksyen 67 membuat pengisytiharaan di bawah subseksyen (1) Menteri boleh menimbangkan kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia, ciri-ciri reka bentuk atau estetik, pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal, hubungan sosial atau kebudayaan, potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia dan kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) juga tegas dalam memberi lesen atau permit kepada individu atau kumpulan untuk penggalian objek warisan. Penerimaan lesen hanya yang layak dan berdaftar dengan jabatan sebelum memohon penggalian objek warisan kawasan tapak warisan. Ketegasan untuk memberi permit dan lesen dapat melindungi kawasan penggalian atau tapak warisan daripada dicerobohi oleh pihak tidak bertanggungjawab. Ini dapat menghalang objek warisan dilindungi secara perundangan undang-undang.

2.7.3 ENAKMEN 14 PULAU PINANG.

Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 10 Mei 2011 dan telah diperkenan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada 27 Jun 2011. Enakmen ini disiarkan mengikut kuasa syarat-syarat pekara 26 dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Tetapi dalam penulisan ini pengkaji hanya akan mengambil sebahagian sahaja. Dalam bahagian dua tentang Penubuhan Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang ditubuhkan melalui fungsinya(5). Iaitu menasihati Pihak berkuasa Negeri bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi dan perkara yang berhubungan dengan pelakasaan Enakmen ini. Mencadangkan pembentukan polisi bekenaan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi kepada Pihak berkuasa Negeri. Berunding dan menyelaras dengan Pensuruhjaya Warisan bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemeliharaan,pemuliharaan dan perlindungan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi. Memantau dan menyelaras dengan pihak berkuasa perancang tempatan berhubung dengan rancangan pemajuan bagi tapak warisan dan memantau dan mencadang apa-apa penambahbaikan kepada garis panduan dan pelan pengurusan pemuliharaan Warisan Negeri.

2.8 JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG.

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa ini adalah jalan-jalan yang menyambungkan di antara sebuah kampung dengan kampung yang lain atau menghubungkan dengan jalan raya utama. Pelaksanaan projek ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup dan memberi keselesaan perhubungan kepada penduduk luar bandar. Selain daripada itu, pelaksanaan projek ini juga memberi kemudahan perhubungan kepada pusat-pusat kesihatan,klinik dan ousat-pusat riadah serta kemudahan awam yang lain.

Antara skop projek yang dilakukan untuk tujuan menyediakan jalan-jalan yang menyambungkan di antara sebuah kampung dengan kampung yang lain atau menghubungkan kampung dengan jalan raya utama. Jabatan ini dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) semenjak tahun 1981. Antara fungsinya ialah urusetia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN), melaksanakan tugas sebagai Pendaftar Lembaga Rayuan. Membantu dalam mengumbal dan menyelaras perlaksaan dasar-dasar perancangan dan membantu dalam memberi khidmat nasihat perancangan kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, jabatan ini melincinkan dan keberkesanan pemakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976(Akta 172). Hal ini menyebabkan jabatan ini bertanggungjawab dalam memelihara warisan di Pulau Pinang.

2.8.1 AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

Dalam seksyen 58, membolehkan pihak berkuasa tempatan memberi perlindungan bagi monumen, tanah dan bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah atau seni binanya. Pihak berkuasa tempatan mempunyai hak untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan dari segi membaiki kerosakan, mengecat semula dan menjaga daripada pencerobohan pembangunan. Oleh itu, Akta 172 dapat menghalang pihak pemaju untuk membuat sebarang pengubahsuai dan penceroboh kawasan-kawasan yang telah diberi larangan oleh pihak pihak berkuasa tempatan. Larangan ini dapat mengekalkan kedudukan monumen lama,bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah dan tapak tanah bersejarah daripada kerosakan atau kemusnahan kerana memerlukan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.Dalam akta 172 terdapat juga beberapa peruntukan yang mempunyai hubungan berkaitan aspek pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap aspek harta khazanah negara seperti tapak-tapak bersejarah, bangunan bersejarah dan monument lama bernilai tinggi. Peruntukan ini dinyatakan pada Seksyen 12(3) yang memerlukan pihak berkuasa perancangan terperinci tanpa memberi ganguan atau memberi kesan buruk semasa pembangunan memelihara dan bentuk rupa bangunan dalam penyediaan pelan secara terperinci dapat meningkatkan keselamatan dan kecantikan bangunan,tapak bersejarah dan monument sebagai produk tarikan pelancongan di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan.

Dalam akta ini terdapat juga beberapa peruntukan yang mempunyai hubungan berkaitan aspek pemuliharaan dan pemelihaaraan terhadap aspek harta khazanah negara seperti tapak-tapak bersejarah, bangunan bersejarah dan monument lama bernilai tinggi. Peruntukan ini dinyatakan pada Seksyen 12 yang memerlukan pihak berkuasa perancangan tempatan membuat perancangan terperinci tanpa memberi gangguan atau memberi kesan buruk semasa pembangunan kawasan. Pihak berkuasa perancang harus menyediakan pelan cadangan rancangan bagi tujuan terperincian dapat meningkatkan keselamatan dana kecantikan bangunan, tapak bersejarah dan monumen sebagai produk tarikan pelancongan di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.

2.9 JABATAN KONSERVASI PULAU PINANG

Jambatan ini terbentuk selepas pembentukan Majlis Pembandaran Pulau Pinang ditubuhkan. Majlis ini memainkan peranan dalam mementukan tempat-tempat bersejarah di Pulau Pinang. Contohnya dalam pertimbangan dari segi sejarah, kepentingan dari segi aspek evolusi dan bentuk perkembangan sejarah komuniti tempatan. Hubungkait dengan aktiviti-aktiviti penting yang pernah berlangsung atau cara hidup seseorang. Dalam pertimbangan dari segi seni bina pula perlu memenuhi, gaya senibina yang unggul dan tiada tolak bandingan bagi tempoh masa tertentu, memaparkan corak rekabentuk yang halus dan artistik dengan nilai kesenian yang tinggi dan mengekalkan keutuhan dari segi reka bentuk gaya senibina asal.

Dalam pertimbangan dari segi perletakkan ialah elemen penting yang menyumbang kepada nilai rupa bentuk dan karektor sesebuah tempat, menyumbang dari segi kesinambungan reka bentuk dan senibina bagi sesebuah jalan. Pertimbangan dari segi kebudayaan seperti mempunyai hubungkait dengan tradisi dan sosiobudaya tempatan yang masih diamalkan dan memaparkan karektor dan cara hidup sesuatu tempat yang mana aktiviti-aktiviti tradisi dan sosio-budaya berlangsung. Seterusnya, pertimbangan dari teknologi pembinaan iaitu memaparkan teknologi pembinaan yang luar biasa dan mempunyai kepentingan dari segi nilai saintifik.

Seterusnya, fungsi jabatan konservasi warisan Pulau Pinang menentukan kategori bangunan dalam tapak warisan. Contohnya bangunan warisan dan bangunan bukan warisan. Bagi bangunan warisan kategori satu ciri istimewa dari segi kepentingan sejarah, nilai senibina dan nilai sosial budaya, bangunan yang telah diwarta dibawah Akta Warisan Kebangsaan dan hanya kerja membaik pulih dibenarkan. Bagunan warisan kategori dua pula perlu mempunyai ciri dan kepentingan nilai senibina dan nilai sosial budaya, menyumbang kepada pembentukan pandangan ‘streetscape’ yang estetik dan imej bandar yang unik. Kerja yang dibernarkan termasuk kerja baik pulih,kerja-kerja tambahan, pengubahsuaian dan tukar guna bangunan dan semua kerja tertakluk kepada kebenaran Majlis Pembandaran Pulau Pinang. Bagi bagunan bukan warisan pula terdapat dua kategori iaitu pengisian merupakan tapak kosong atau struktur sementara yang tidak mempunyai kepentingan dari segi nilai warisan.

Pemajuan baru adalah dibenarkan tetapi tertakluk kepada Garis panduan Pemuliharaan dan bangunan baru perlu direkabentuk secara sesitif serta bersesuaian dengan karektor kawasan setempat dan imej bandar. Seterusnya dalam pengantian Jabatan Warisan Pulau Pinang mengambil serius dengan bangunan baru sedia ada yang tidak mempunyai nilai warisan dan tidak sensitif serta tidak bersesuaian dengan karektor setempat dan pemajuan semula adalah dibernarkar tetapi tertakluk kepada garis panduan pemuliharaan.

Majlis Jabatan Konservasi Pulau Pinang ini juga mengikuti perundangan dan peraturan pemuliharaan bangunan warisan contohnya akta-akta ,undang-undang kecil, pekeliling-pekeliling dan garis panduan . Dalam pengikutan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Undang-Undang kecil Bangunan Seragam 1984, Dasar Dan Garis Panduan Kerajaan. Peraturan kawasan pemuliharaan dan Bangunan Warisan 2008, Pelan Pengurusan Warisan dan Rancangan Kawasan Khas untuk Tapak Warisan GeorgeTown 2016 , Enakmen Warisan Pulau Pinang dan tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan atau membenarkan didirikan sesuiatu pemajuan tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Tempatan.

2.10 PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN

Pemuliharaan dan pemeliharaan bertujuan untuk menghalang proses kemerosotan bangunan, monumen dan artifak dengan cara memperlahangkan kerosakan, membaiki keadaan struktur dan melakukan penyenggaraan berkala (Jabatan Warisan Negara, 2018). Warisan yang ingin dipulihara perlulah mempunyai aspek tertentu seperti nilai kepentingan sejarah pada masyarakat, seni bina yang istimewa dan anggaran usia sehingga 100 tahun. Pemuliharaan sangat penting bukan sahaja mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan, monumen dan artifak malah menjadi satu iktibar untuk tujuan pendidikan pada generasi akan datang.

Ekonomi negara juga mendapat sumbangan melalui hasil sektor pelancongan yang boleh dimanfaatkan daripada tinggalan sejarah. Penyediaan pihak berkuasa amat berkait rapat dengan pemuliharaan dan pemeliharaan bagi sesebuah kawasan warisan. Pihak berkuasa merupakan tunggak utama bagi pengujung untuk tujuan keselesaan dan akan memberi pengaruh pada kawasan bersejarah. Oleh itu, pihak berkuasa perlulah teliti supaya tidak mengabaikan nilai-nilai penting pada struktur kawasan bersejarah dan mengekalkan keaslian seperti sebelum ini. Penyelenggaraan kawasan bersejarah secara berkala dititikberatkan supaya kemudahan berfungsi dengan baik dan tidak memudaratkan struktur warisan akibat daripada pemuliharaan .

2.11 RUMUSAN BAB

Bab kedua ini membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang dipetik daripada artikel, laman web, majalah dan sebagainya. Tinjauan literatur mengutamakan proses perencanaan yang melibatkan reka bentuk kajian yang dapat dibahagikan kepada eksperimen boleh dikategorikan ke dalam kajian eksperimental sebenar dan separa eksperimen. Kajian bukan eksperimental boleh dibahagikan kepada tinjauan eksperimental,kajian lapangan, kajian kes, kajian tindakan dan kajian sejarah. Maklumat ini mengandungi fakta-fakta atau kajian yang telah dihasilkan oleh orang lain berkaitan dengan topik tertentu sahaja.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian ialah merupakan cara, kaedah dan pendekatan yang boleh digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian dengan lebih bersistematik dan mudah. Tujuan metodologi adalah untuk mendapatkan hasil dapatan kajian dengan lebih terperinci mengenai penerapan kaedah dengan menghuraikan proses kajian tersebut. Pengkaji telah merancangkan beberapa pendekatan kajian agar data-data yang diperolehi dengan cara betul dan maklumat yang diberikan adalah asli. Oleh itu, terdapat bahagian reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan proses menganalisis data yang digunakan untuk memperolehi dapatan kajian.

3.2 PENDEKATAN KAJIAN

Kertas kerja ini disediakan untuk membincangkan mengenai kawasan bersejarah. Tujuan menjalankan kajian ialah untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan suatu Langkah ilmiah yang sistematik dan saitifik(J.supranto, 1986: (Azhar, 2006:139). Bab ini merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian atau tatacara mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Ahmad Mahdzan Ayob (1993:44) mentapkan kaedah kajian sebagai sengala langkah atau prosedur untuk mencapai segala objektif yang mana aktiviti kajianya sudah tentu dijalankan mengikut kaedah sains. Kajian kes bermula dengan mengenalpasti kes dengan spesifik dan memberi

penjelasan yang mendalam. Kajian kes ingin mengkaji Jeti Clan dari sudut budaya, sejarah dan usaha pihak berkuasa tempatan dalam memelihara kawasan bersejarah tersebut. Penggunaan kajian kualitatif yang baik ialah mendalami serta fahamkan dengan cara yang sesuai untuk digunakan di setiap objektif.

3.3 REKA BENTUK KAJIAN

3.3.1 KAEDAH KUALITATIF

Menurut Denzin dan Lincoln (1994) kajian kualitatif menggunakan kaedah secara berfokus iaitu menyelidik sesuatu objek secara semula jadi. Reka bentuk kajian kualitatif adalah bersifat fleksibel iaitu dapat mengubahsuai mengikut keadaan dan sesuatu situasi. Pendekatan kualitatif pula menekankan kepentingan pengalaman subjektif individu yang perlu dianalisi secara kualitatif dan realiti sosial mempunyai makna tertentu yang bersifat subjektif dan personal (Rohana Yusuf(2003:181). .

Kajian ini boleh dilakukan melalui kajian etnografi, kajian kes, kajian fenomenologi dan teori beralasan. Dalam kajian yang dilakukan di kawasan bersejarah Jeti Clan, pengkaji menggunakan kajian kes bagi mendapatkan maklumat dengan kaedah pemerhatian, temubual dan soal selidik. Kaedah temubual ialah perbualan antara dua pihak dengan cara bersemuka untuk mendapatkan maklumat secara langsung. Sumber yang menjadi pilihan pengkaji dalam melakukan temubual ialah menggunakan data primer iaitu melalui informan.

Pihak yang ingin pengkaji beruruskan ialah wakil daripada penempatan dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat serta NGO yang bertanggungjawab di kawasan bersejarah kerana mereka lebih arif mengenai selok-belok sejarah dan bertanggungjawab dalam menyelia Jeti Clan. Pengkaji menggunakan beberapa kaedah kualitatif seperti temu bual, pemerhatian, carian sumber ilmiah dan borang soal selidik. Cara ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan mudah dan tepat. Kaedah kualitatif dipilih kerana saiz sampel kajian lebih kecil berbanding kuantitatif.

3.4. PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data ialah proses mengumpul dan mengukur maklumat berdasarkan pembolehubah disasarkan dalam sesbuah sistem yang sedia ada membolehkan menjawab soalan relevan serta menilai keputusan yang berkemungkinan. Perbuatan ini sangat penting dalam penyelidikan semua bentuk kajian termasuk sains fizikal dan sains sosial .

Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data yang berasal dari sumber pertama iaitu sumber yang tidak lagi digubah dan diperolehi secara langsung. Data ini didapati melalui pemerhatian, dan temubual daripada informan dan pihak berkuasa manakala data sekunder pula dilakukan menerusi kajian perpustakaan dengan mendapatkan maklumat daripada artikel, jurnal, majalah dan sumber laman sesawang dalam internet. Data ini akan merujuk

kepada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu dan dikumpulkan bersama.

3.5. INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian adalah kaedah yang digunakan untuk mengumpul data apabila membuat kajian lapangan. Selain itu, ia digunakan sebagai asas bagi memperolehi data seperti mana yang dikehendaki oleh penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah soal selidik, pemerhatian dan kaedah temubual.

Objektif kajian	Kaedah Kajian	Instrumen Kajian
1) Merungkai latar belakang sejarah di Jeti Clan.	Kajian Literature -Mengkaji artikel berkenaan dengan sejarah Jeti Clan Temubual -Bertanyakan kepada penduduk tentang sejarah.	-Komputer riba -Buku nota

<p>2) Mengenalpasti nilai kepentingan warisan di Jeti Clan.</p>	<p>Permehatian.</p> <ul style="list-style-type: none"> -Melakukan beberapa pemerhatian jika ada upacara kebudayaan di kawasan berkenaan -Melihat kegiatan harian dan mencatatkan budaya harian yang dilakukan oleh penduduk <p>Temubual</p> <ul style="list-style-type: none"> -Peralatan yang digunakan ialah telefon, buku catatan dan borang temu bual -Menayakan beberapa persoalan kepada masyarakat di situ. 	<ul style="list-style-type: none"> -Telefon bimbit -Buku nota dan pen
---	--	---

<p>3)Menyiasat usaha pemeliharaan dan pemuliharaan oleh pihak berkuasa tempatan ke atas Jeti Clan.</p>	<p>Pemerhatian</p> <ul style="list-style-type: none"> -Meneliti usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan <p>Sumber ilmiah</p> <ul style="list-style-type: none"> -Mencari pelbagai sumber ilmiah yang ditulis sebagai rujukan kepada usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa. <p>Temu bual</p> <ul style="list-style-type: none"> -Menemu bual beberapa penduduk disitu untuk mengetahui usaha yang dilakukan. 	<ul style="list-style-type: none"> -Telefon bimbit -Buku nota
--	--	---

Gambar Rajah 3.1

Jadual Instrumen Kajian

3.6 DATA PRIMER

3.6.1. KAJIAN LAPANGAN

Kajian lapangan adalah tempat pengumpulan data daripada luar makmal dan berada ditempat kajian. Tujuannya ialah memudahkan proses mencari maklumat. Pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan berbeza-beza disiplin. Menurut Asmah Hj Omar (2002:1-2), merujuk kepada tempat sesuatu fenomena menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir berpandukan objektif kajian.

Kajian lapangan ialah satu kaedah inkuiiri sains yang sesuai dengan pengajaran topik-topik persekitaran alam sains. Kajian lapangan sebagai sumber terpenting untuk mendapatkan maklumat baru dengan lebih jelas dan membolehkan seseorang memahami fenomena yang dikaji itu dengan dalam mungkin. Selain itu, pengumpulan data melalui pemerhatian terus kepada perkara yang dikaji secara langsung dan wujud dalam keadaan semula jadi.

Kajian lapangan juga berfungsi dalam melaksanakan suatu kerja atau projek pemuliharaan, salah satu fasa penting adalah kerja-kerja penyiasatan kawasan bersejarah yang dilakukan bagi mengenalpasti sejarah dan budaya yang diteruskan oleh penduduk di kawasan bersejarah tersebut. Kerja-kerja dalam fasa ini dianggap penting kerana ia akan mempengaruhi usaha pemeliharaan yang akan dilakukan seterusnya.

3.6.2 PEMERHATIAN

Pemerhatian adalah pemerolehan maklumat secara aktif dari sumber primer. Pada organisma hidup, pemerhatian menggunakan deria. Istilah ini juga boleh merujuk kepada data yang dikumpulkan semasa aktiviti ilmiah . permerhatian bersifat kualitatif, jaitu hanya dengan melihat ketidakhadiran atau kehadiran sesuatu pada bahan yang diteliti lalu direkodkan.

Kaedah ini adalah kaedah terawal dalam mengumpulkan data suatu kajian. Terdapat beberapa ciri-ciri bagi kaedah pemerhatian iaitu antaranya dengan melawat ke tempat kajian tapi tidak ikut secara langsung terhadap kegiatan tersebut serta terlibat secara aktif iaitu turut menyertai aktiviti yang dilakukan oleh orang tempatan tetapi ada batasnya. Selain itu, pemerhatian hendaklah dilakukan pada bahagian yang penting sahaja bagi mengelakkan pengkajian melangkaui batas kajian. Hal ini juga untuk menjimatkan masa dan tenaga serta mendapat maklumat yang tepat sahaja. Sewaktu menjalani pemerhatian segala maklumat perlu dicatat agar tidak terlepas ketika melakukan kajian seterusnya nanti.

Pengkaji melakukan pemerhatian secara teliti kerana ia melibatkan usaha pihak tertentu dan mengambil masa yang agak lama. Kaedah pemerhatian akan dibuat oleh pengkaji selepas usaha untuk memelihara kawasan berkenaan dijumpai oleh pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mengenalpasti setiap tindakan untuk memelihara dan memulihara Jeti Clan berkenaan.

3.7 TEMU BUAL

Kaedah ini dilakukan oleh pengkaji dengan menyediakan soalan-soalan yang mengenai kajian yang dilakukan untuk ditanyakan kepada informan. Kaedah ini untuk mendapatkan maklumat tentang isu yang dihadapi oleh pengujung dengan lebih langsung untuk mengelakkan salah tafsir dan salah anggap.

Dalam kaedah kualitatif pengkaji telah menggunakan cara temubual untuk mendapatkan maklumat berkenaan topik kajian. Temubual ini dilakukan antara pengkaji dan penduduk Jeti Clan . Hal ini dikatakan demikian kerana mereka adalah pihak yang arif berkenaan selok belok berkenaan Jeti Clan dan juga bertanggungjawab dalam memelihara kawasan bersejarah ini. Kebanyakan bahagian dalam temubual ini dipandukan dengan senarai soalan atau isu yang ingin diketengahkan. Pengkaji juga akan menemu bual informan dengan berjumpa secara berdepan dan dalam talian kerana komunikasi dua hala lebih mudah untuk mendapatkan maklumat. Strategi yang dilakukan untuk mengumpulkan data ialah dengan menggunakan alat pencatat seperti buku nota, perakam suara dan telefon.

3.7.1 CATATAN

Munurut Dewan Bahasa Dan Pustaka merupakan katalog yang mempunyai isi-isi yang penting dengan catatan berketerangan. Catatan juga bahan berbagai bentuk sebagai bukti, kenyataan saksi, laporan-laporan, catatan dan sebagainya digunakan untuk menimbulkan kepercayaan pengendalian atau juri atas pernyataan mereka. Ulasan, keterangan lanjutan atau rujukan di bahagian hujung sesuatu penulisan. Catatan ini akan ditempatkan di bahagian akhir setiap bab atau buku. Catatan juga dilakukan oleh pengarang terhadap sesbuah teks atau buku. Catatan atau nota yang dimuatkan selepas tajuk bab, bahagian atau jilid di dalam entri katalog untuk menyatakan maklumat yang terdapat pada setiap halaman.

Apabila pengkaji melakukan proses temubual, pengkaji akan mencatat isi-isi penting yang dikeluarkan oleh responen. Setiap perkara yang membabitkan tentang budaya dan sejarah sangat penting. Oleh itu, catatan perlu dibuat di atas buku nota supaya pengkaji tidak lupa . Catatan juga boleh menjadi rujukan semula oleh pengkaji dalam penulisan.

3.7.2 FOTOGRAFI DAN PERAKAM SUARA.

Fotografi ialah proses untuk menghasilkan gambar foto melalui tindakan cahaya. Pola-pola cahaya yang dipantulkan atau dipancarkan oleh objek-objek dirakamkan pada perantaraan peka tau cip storan melalui pendedahan tempoh tertentu. Proses ini dilaksanakan melalui peranti-peranti mekanik, kimia atau digit yang dikenali sebagai kamera. Perkataan fotografi datang daripada Greek yang membawa maksud pelukisan dengan cahaya. Secara tradisi, hasil daripada fotografi dipanggil gambar foto. Dalam fotografi digit istilah imej telah bermula menggantikan istilah gambar foto. Menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka fotografi merupakan sebuah seni, proses atau perkerjaan pengambil atau menghasilkan fotografi.

Perakam suara ialah peranti penyimpanan audio yang merekodkan dan memainkan semula bunyi, termasuk suara percakapan, yang biasanya menggunakan pita magnet, sama ada digulung pada gelendong atau dalam bentuk kaset, sebagai simpanan. Dalam bentuk hari ini, ia merakamkan isyarat turun naik dengan menggerakkan pita melalui magnet dalam pita berkadaran dengan isyarat audio.

Dengan penggunaan dua kaedah tersebut penyimpanan bukti dan maklumat menjadi mudah. Pengkaji mengambil sampel-sampel gambar untuk dijadikan bahan bukti tentang pemeliharaan yang dibuat oleh pihak berkuasa. Bagi perakam suara pula, pengkaji boleh mengulang semula maklumat yang diberi responden supaya tidak terlepas pandang.

3.8 DATA SKUNDER

Data sekunder merupakan maklumat sedia ada yang dikumpulkan oleh akhbar, komersial atau mana-mana institut lain yang telah mengumpulkan data untuk sesuatu tujuan . Data primer boleh ditukar menjadi data sekunder yang telah dikumpulkan oleh penyelidik dengan menjalankan beberapa perubahan dalam bentuk penulisan.

Data sekunder merupakan data yang tidak berasal dari sumber utama. Dalam beberapa penelitian, data ini digunakan sebagai data pendamping data utama kerana adanya hal-hal yang tidak di data utama. Terdapat beberapa sumber penulisan yang diambil oleh pengkaji sebagai data sekunder iaitu sumber perpuskataan, dan sumber internet.

3.8.1 SUMBER PERPUSKATAAN

Sebelum pengkaji melakukan kajian lapangan, penulis akan melakukan kajian perpuskataan terlebih dahulu. Kajian perpuskataan bertujuan untuk mengukuh dan menjelaskan tentang etika perniagaan dalam Islam . Dalam hal ini, penulis akan mengkaji dan menganalisis buku-buku, jurnal, artikel dan pelbagai jenis sumber literatur lainnya yang berkaitan dengan kajian.

Dalam mendapatkan data kajian perpuskataan, penulis menggunakan khidmat beberapa perpuskataan yang ada di Malaysia seperti perpuskataan Universiti Malaysia Kelantan di Bachok (UMK). Pengkaji juga ingin mendapatkan malumat di perpuskataan lain tetapi, penggerakan pengkaji menjadi terhad disebabkan penggerakan kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan.

3.8.2 SUMBER INTERNET


Terdapat beberapa definisi yang diberikan berkenaan dengan laman web Mohd Arif & Mohd Jasmy (2000) menjelaskan laman web adalah laman yang mengandungi pelbagai maklumat dalam bentuk teks, grafik, animasi audio dan video yang berdasarkan kepada cita rasa dan kreativiti pembinaan laman web ialah integrasi, teks dan bunyi ke dalam satu halaman paparan.

Wan Mohd Hijatullah (2001) pula menyatakan bahawa laman web adalah satu sistem server internet yang menyokong hypertext yang berkebolehan berhubung dengan pelbagai protocol internet dengan menggunakan satu saluran. Mahidun (2007) pula menjelaskan WWW bersifat sebagai tunjang utama teknologi internet masa kini yang dapat membantu membekalkan bahan dan kursus secara mudah di dalam pendidikan infrastruktur, penyebaran maklumat serta komunikasi elektronik dalam bentuk multimedia.

3.9 ANALISIS DATA

Menurut Taylor (1975) analisis data adalah proses merumuskan hipotesis secara terperinci yang dilakukan dengan kaedah formal sebagai usaha untuk membantu hipotesis. Analisis data adalah proses memeriksa, membersih dan mengubah dengan tujuan mencari maklumat yang berguna, memberitahu kesimpulan serta menyokong keputusan. Ia mempunyai beberapa aspek dan pendekatan yang merangkumi pelbagai teknik semasa digunakan dalam bidang-bidang tertentu. Kaedah analisi data yang digunakan dalam proses penyelidikan ditentukan oleh kaedah penyelidikan yang digunakan. Dalam penyelidikan sosial,jika kita membahagi kategori kaedah penyelidikan menjadi dua bahagian iaitu kualitatif dan kuantitatif tetapi pengkaji hanya menggunakan kaedah kualitatif.

Penyelidikan kualitatif biasanya menggunakan temuduga dan pemerhatian sebagai alat pengumpulan data. Ini menjadikan data kualitatif biasanya dalam bentuk teks,termasuk penyelidikan kualitatif yang menggunakan penganalisis temu bual, artikel dan lain-lain sebagai kaedah penyelidikan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis untuk meneliti data-data kualitatif dan menjelaskan sesebuah peristiwa itu berlaku.



Gambar Rajah 3.2

Jadual Analisis Data

4.0 RUMUSAN BAB

Kaedah kualitatif menjadi pilihan dalam kajian dilakukan keatas Jeti Chew kerana rekabentuknya yang lebih fleksibel dan tidak bergantung pada ujian statistik pada sesuatu kajian.. Seterusnya penyelidikan mengikut kajian kes dilakukan untuk mendapat memberi tumpuan kepada huraian yang holistik serta menjelaskan kepada sesuatu peristiwa yang berlaku secara mendalam (Yin 1994). Pada bab ini pengkaji banyak mencari kaedah yang sesuai untuk digunakan. Hal ini diakatakan demikian kerana penggunaan kaedah yang sesuai membantu penyelidikan maklumat dengan mudah. Kajian dimulakan dengan pencarian melalui laman sesawang untuk medapatkan pegetahuan umum tentang metodologi kajian. Seterusnya mencari proses yang sesuai untuk mendapatkan maklumat. Contohnya, kaedah yang terdapat dalam data primer dan skunder. Kaedah ini perlu dilakukan mengikut turutan supaya setiap tugas dapat disusun dengan kemas dan tertatur..

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Analisis dalam kajian bermaksud penghuraian sesuatu perkara bagi mengetahui selok-belok sesuatu kajian yang ingin di jalankan. Bahagian ini akan membincangkan mengenai dapatan kajian yang telah diperolehi berdasarkan kaedah kajian yang digunakan sebelum ini iaitu melalui bahan ilmiah, pemerhatian, temubual dan borang soal selidik. Temubual yang dilakukan adalah melalui informan yang bertanggungjawab dalam menjaga dan menguruskan Jeti Clan. Informan pertama ialah Georgetown Heritage World Incoporate (GTWHI) yang merupakan pemberi maklumat kepada pelancong tempatan dan luar negara mengenai tempat-tempat bersejarah di Georgetown. Penjumpaan temu bual secara online dan menggunakan emel sangat berguna dalam keadaan Pandemik Covid-19 yang mengehadkan perjumpaan secara fizikal bagi mengelakkan risiko jangkitan.

4.2 SEJARAH LATAR BELAKANG JETI CLAN.

Jeti clan menjadi tempat perdagangan pada akhir abad Ke 19. Selepas kedatangan pendaganga asing daripada bangsa Hokkien. Bangsa ini merupakan sebuah keturuan asli daripada China. Sebelum pembentukan Jeti bangsa Hokkien ini hidup dengan pembentukan penduduk yang berbeza . Mereka tinggal di tempat-tempat yang sesak contohnya Tok Aka Lane, Acheen Street, ArmenianStreet, and Stewart Lane yang berada berhampiran pantai. Oleh itu, jeti terbahagi beberapa clan seperti Ong Jeti ,Lim Jeti , Chew Jeti Tan Jeti,Yeoh Jeti, Lee Jeti, New Jeti, Peng Aun Jeti dan Koay Jeti. Pengkalan Weld di beri nama sempena nama Sir Frederick Weld iaitu seorang gabenor menguasai selat perdagangan pada tahun 1880-1887. Semasa Sir Frederick memerintah negeri-negeri selat penambak laut bandar dilakukan sekitar tahun 1882 untuk pembinaan bandar di tepi air. Oleh itu terbentuknya jeti yang berkongsi perdagangan lalu lintas dan dikuasai oleh pihak tertentu untuk memunggah barang dengan menggunakan sampan mereka. Pembinaan Jeti yang biasa bertukar kepada kawasan perumahan untuk tinggal dan rehat. Sehingga kini kawasan perumahan meningkat dan masih berdiri teguh.

Penempatan jeti diperluas pada awal abad ke-20 kerana kedatangan imigresen daripada Wilayah Fujian di China. Budaya tolong menolong sesama orang cina iaitu menolong satu sama lain mencari perkerjaan dan perlindungan berasal daripada perintis pendatang. Kebanyakan pendagang akan berkerja keras selama beberapa tahun dan kembali ke Tanah air dengan kumpulan simpanan. Namun masalah perang saudara dan kemiskinan di China menyebabkan mereka terpaksa dihantar ke tempat-tempat pekerjaan seperti Lombong Timah, Ladang Getah dan sebagainya .Kenaikan imigresen didorong

oleh pengembangan dalam jumlah berdagang pada tahun 1910-1920 semasa timah dan getah mempunyai permintaan yang banyak.

Peningkatan permintaan menyebabkan banyak bangsa muncul dan memenuhi dua fungsi tempat kerja dan tempat tinggal. Seterusnya berkembang lebih banyak pendatang dan membawa keluarga mereka . Contohnya penduduk Jeti Lim, Chew dan Lee memanfaatkan lokasi mereka di kawasan tepi pantai dan perahu untuk menawarkan perkhidmatan ulang-alik kargo untuk kapal-kapal besar di laut. Bagi jeti Tan ,Yeoh dan Koay mahir dalam penglibatan arang kayu.

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 kawasan perumahan Jeti Clan mesti memperbaharui setiap tahun dan yuran berbeza mengikut ukuran rumah dan tiada jaminan pampasan jika rumah diperoleh untuk pembangunan. Jeti Clan sentiasa menghadapi ancaman perobohan oleh pihak berkuasa kerana melihat tempat tinggal mereka tidak lagi bermaya . Pada tahun 1930- 2006 terdapat beberapa Jeti Clan dimusnahkan tetapi daya tarikan pelancong dan semangat masyarakat tempatan menyebabkan perumahan mereka dibina semula.

Jeti Clan telah wujud selama satu ratus tahun dan disaksikan dan menyumbang kepada pertumbuhan Pelabuhan Pulau Pinang dan berjuang keras untuk mengekalkan gaya hidup tradisional yang masih lagi mengekalkan gaya hidup tradisional di kawasan bandar.

Selepas pengiktirafan Georgetown oleh UNESCO Jeti Clan juga termasuk dalam Tapak Warisan sebagai kawasan yang perlu dipelihara. Oleh itu, Jeti Clan masih lagi dijaga dengan baik dari segi fizikal dan budaya.

4.2.1 ONG JETI

Ong Jeti merupakan jeti yang pertama yang berada di barisan hadapan Jeti Clan. Tetapi jeti ini tidak seperti jeti yang lain , jeti ini dibiarkan kosong tanpa sebarang penambahbaikan. Contohnya Jeti Lim mempunyai barisan rumah yang banyak tetapi Lim Jetty masih mengekalkan pandangan fizikal dan fungsi jeti asli. Jeti Ong ini terletak berhampiran dengan perhentian bas dan feri. Sebenarnya lokasi jeti itu terletak tepat dengan kedudukan pelabuhan feri untuk tujuan mengambil pelancong. Sehingga kini Jeti Ong digunakan sebagai tempat meletak kereta dan motosikal, serta ruang digunakan untuk meletak kayu .



Gambar Rajah 4.1 : Ong Jeti

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

4.2.2 JETI LIM

Jeti Lim merupakan bekas jeti yang terbesar dengan mempunyai bangunan rumah sebanyak 42 unit tetapi sebahagianya terbakar disebabkan oleh peperangan semasa Perang Dunia 2. Tentera Jepun mengembom sebahagian rumah pada Disember 1941. Selepas itu, pembangunan Jeti ini membangun

dengan perlahan selepas perang dan kuil dicipta untuk menaikan semangat penduduk di situ. Pembinaan Jeti Lim menunjukan perbezaan antara jeti lain dengan memisahkan bumbung rumah menjadi 2 bahagian yang bertentang antara satu sama lain. Rumah tersebut dibina di kiri jeti sahaja.



Gambar Rajah 4.2 : Jeti Lim

Sumber :Georgetown World Heritage Incoporation

4.2.3 JETI CHEW

Jeti Chew merupakan jeti paling popular dikalangan pengujung dan penduduk sekitar. Penduduk Jeti Chew memainkan peranan penting untuk memberi peluang perkerjaan kepada imigran China. Penduduk Jeti Chew berasal daripada pedagang cina yang telah meninggal kampung halaman selama beberapa tahun untuk mencari perkerjaan. Jeti ini menawarkan sampan di tengah jalan lautan untuk pengangkutan dan menyediakan tempat meletakan bot kepada orang luar. Oleh itu,Jeti Chew masih menjadi tumpuan orang ramai untuk destinasi pelancongan. Ramai penduduk di Jeti Chew mengikuti pengembangan semasa dengan membuka kedai seperti salon, kedai cenderahati dan barang buatan penduduk di situ.



Gambar Rajah 4.3 : Jeti Chew

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

4.2.4 JETI TAN

Keturuan Jeti Tan dipercayai melakukan kerja-kerja nelayan sahaja yang berasal daripada wilayah Fujian dan berada di Pulau Pinang selama beberapa abad. Beberapa kajian telah dilakukan untuk menentukan keberadaan masyarakat Jeti Tan sebelum Jeti dicipta. Kebanyakan mereka tinggal di Armenian Street dan berkongsi rumah dengan beberapa keluarga. Mereka juga berkongsi masakan .Antara peranan Jeti Tan pada abad ke 18 dan 19 memungah barang dari kapal-kapal perdagangan dengan sampan ke pelabuhan berdekatan. Pada tahun 1917 Jeti Tan dibina sebagai sebuah rumah serdehana untuk mendapat perlindungan daripada hujan dan akhirnya Jeti Tan kini meningkat dengan beberapa bilangan rumah.




Gambar Rajah 4.4 : Jeti Tan

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

4.2.6 JETI LEE

Penduduk asal Jeti Lee berasal daripada sebuah kampung daripada China dan mencipta kehidupan baharu di Pulau Pinang. Jambatan asli Lee berasal daripada kawasan terminal feri. Penduduk di situ dipaksa oleh kerajaan untuk keluar daripada kawasan berkenaan dan mendapatkan kawasan baharu pada tahun 1960. Oleh itu , jambatan baharu telah dibina untuk mengantikan jambatan lama. Penduduk jeti ini menerima kesukaran untuk berkerja sebagai pengangkutan barang dari kapal ke pelabuhan dengan menggunakan sampan. Oleh itu penduduk Jeti Clan ini menggalakan penduduk Jeti Lee mengendalikan perniagaan pengangkutan untuk setiap jeti. Oleh sebab itu, hubungan antara Jeti Clan lebih baik dan harmoni.



Gambar Rajah 4.5 : Jeti Lee

Sumber : Pinterest

4.2.5 JETI NEW

Jeti New masih lagi berdiri kukuh walaupun dibina pada tahun 1962. Jeti ini dibina dengan bilangan nama keluarga yang berbeza. Jeti ini mendapat kebenaran daripada penduduk jeti dan kerajaan lain untuk membina jeti yang berasingan. Kerajaan telah menentukan jeti ini dengan pelan yang dibina pada

tahun 1960 dengan pembinaan mengikut persamaan jeti lain. Rumah berkenaan dihiasi dengan gaya tingkap lama dengan pemasangan grill.



Gambar Rajah 4.6 : Jeti New

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

4.2.7 JETI YEOH

Jeti ini kurang dikenali diantara jeti lain dan populasinya kurang dan panjang jeti tersebut hanya sepanjang pesisiran pantai. Sebahagian kawasan pantai tersebut diliputi oleh tanah kering kerana berlakunya penambakan laut. Populasi jeti ini semakin berkurang sejak perang berlaku. Contohnya beberapa dekad yang lalu jeti ini mengalami kerosakan disebabkan pengeboman dan semasa perang berlaku banyak penduduk tidak kembali hidup di jeti



Gambar Rajah 4.7: Jeti Yeoh

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

4.2.8 JETI PENG AUN

Jeti ini dibina pada tahun 1960 oleh pelbagai penduduk setiap jeti. selepas Jeti Koay. Jeti ini dirobohkan kerana tidak mempunyai keturunan daripada perdagang China seperti Jeti yang lain . Oleh itu, jeti ini tidak bertahan daripada ancaman perobohan daripada kerajaan dan dibina semula sebagai kawasan perumahan pada tahun 2006.

4.2.9 KOAY JETI

Jeti ini berasal daripada Chinese Hui Muslim daripada Quanzhou iaitu tempat dimana berlakunya perdagangan utama antara orang Arab. Penduduk Jeti Koay lebih memilih untuk berdagang ke Pulau Pinang kerana hendak melarikan diri daripada adat dan agama nenek moyang mereka yang bertahun-tahun berada di China. Jeti Koay ini mula dirobohkan pada tahun 1950 bersama Jeti Peng Aun kerana tiada keturuan yang ingin meneruskan keberadaan mereka.

4.3 NILAI KEPENTINGAN WARISAN DI JETI CLAN.

4.3.1 NILAI KEPENTINGAN BUDAYA JETI CLAN.

Budaya mengaju kepada nilai-nilai , gagasan artifak dan simbol-simbol lain yang bermakna yang membantu dalam berkomunikasi dengan sesama,melakukan penafsiran dan evaluasi sebagai anggota masyarakat. Selain itu, budaya tidak hanya sesuatu bersifat bastrak seperti nilai –nilai, pemikiran dan kepercayaan , budaya biasa sahaja berbentuk objek material dan jasa yang dikonsumi oleh masyarakat tertentu. Budaya adalah penyebab paling mendasar dari keinginan dan perilaku seseorang. Perilaku seseorang dipelajari secara kuas. Setiap kelompok atau masyarakat memiliki budaya dan pengaruh budaya pada perilaku pembelian anggotanya sangat beraneka ragam. Perilaku manusia sangat ditentukan oleh kebudayaan yang melingkupinya dan pengaruhnya akan selalu berubah setiap waktu sesuai dengan kemajuan atau perkembangan zaman dari masyarakat tersebut. Perilaku manusia cenderung untuk menyerap adat dan kebiasaan pada kebudayaan. Budaya di Jeti Clan terbahagi kepada dua iaitu budaya ketara dan tidak ketara . Budaya ketara boleh dilihat kepada tarian singa, upacara ketuhanan, makanan dan perhiasan rumah. Budaya tidak ketara pula boleh dilihat seperti ritual-ritual untuk menolak bala, cara percakapan orang cina Hokkien dan sebagainya. Nilai budaya sering digunakan sebagai pendekatan oleh sesetengah pihak dalam menganalisis budaya dalam rangka strategi pemerhatian. Pengkaji berusaha untuk fokus kepada nilai budaya yang dominan dalam sesuatu masyarakat. Kebanyakan budaya sering dilihat dalam kepercayaan , sikap , sasaran dan nilai yang dimiliki oleh sebahagian besar masyarakat yang ada, mengenai aspek lingkungan sosial dan fizikal. Dalam

pandangan Jensen dan Trenholm (1995), pemahaman budaya ini membawa manusia untuk biasa mempersepsikan dunia, bagaimana kita berfikir tentang diri kita sendiri serta hubungan kita dengan orang lain. Hall (1989) menjelaskan bahawa budaya adalah komunikasi dan komunikasi ialah budaya. Seterusnya menurut Lamb, Hair dan McDaniel (2011) budaya adalah karakter yang penting dari suatu sosial yang membedakan dari kelompok yang lain.

4.4 NILAI BUDAYA TIDAK KETARA DI JETI CLAN

4.4.1 AGAMA

Jeti Clan mempunyai penduduk berbangsa cina daripada pelbagai latar belakang yang berbeza. Pengkaji telah membuat kajian mengenai agama yang dianuti oleh penduduk jeti ialah buddha tetapi setiap jeti mempunyai tuhan yang berbeza. Agama Budhha banyak menekankan aspek social untuk mempengaruhi adat resam dan budaya kaum Cina contohnya pemakaian dan pemakanan. Agama Buddha tercipta pada kurun ke-5 dan tersebar pada benua India dahulu. Selepas itu agama ini mula tersebar ke Tenggara dan Timur Asia. Agama buddha mempunyai 3 aliran iaitu Theravada , Mahayana dan Vajrayana. Dalam Aliran Theravada ia mempunyai matlamat iaitu pencapaian tahap nirvana atau dikenali jalan keserdahanan. Mahayana pula bertentangan dengan pencapaian nirvana ia hanya mengilhamkan pencapaian kebuddhaan melalui bodhisattva dimana kitaran kelahiran semula untuk memberi manusia kesedaran.Vajrayana pula masih dipraktiskan di kawasan Himalaya dan Mongolia untuk mencapai tahap badan pelangi. Dalam ajaran Buddha ia tidak pernah dianggap sebagai keperibadian ekslusif . Budhha diertikan oleh umat Budhha yang mengerti ajaranya dengan benar adalah sebagai manusia yang

mencapai perwujudan atas entesi akal pikiran yang di dalamnya ada pemenuhan tujuan hidup (Khan,2003) Oleh itu, penduduk cina di Jeti Clan mempunyai banyak tuhan dengan nama tuhan yang berbeza.

4.5 NAMA TUHAN DAN NAMA KUIL

Nama Jeti	Nama Kuil	Nama Tuhan
Ong Jeti	-----	-----
Jeti Lim	1.Ri Yue Than (Sun Moon Temple) 2.Suan Hai Ing Yan Tian (Mountain Sea Ying-Yang Temple) 3. Wu Gu Xian Zu (Five Cereals God Shrine)	1.Lim Thai Chor dan Jintian Emperor God 2. God Of Hades 3.God of Herbs
Jeti Chew	1.Cho Yuan Kong (Temple Of Good Health) 2.Kang Thean Kong (Temple Of God Bleesings) 3.Hai Gua Klong (Temple of Sea Blessings) 4.Ting Hai Keong (Temple of Storm Claming) 5.Qing Yang Gong (Clear Rock Temple)	1.God Of Health 2. God Of Bleesings

Jeti Tan	1.Chong Eng Tien (Temple Of Reflection) 2.Temple Of Goddess Of Seafarers Mazu	1. God of Reflection
Jeti Lee	1.Kim Aun San Si (Golden Saddle Hill Temple)	1.Boasheng God Of Health
Jeti New	1.Kee Thean Kong (Temple of Heaven Ascension	1.Xuantian God
Jeti Yeoh	1.Hui Teong Keong (Temple of Meeting Hall)	1. God Of Fire
Jeti Peng Aun	-----	-----
Jeti Koay	-----	-----

Gambar Rajah 4.7

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

4.5.1 Lim Thai Chor Dan Ri Yue Than (Sun Moon Temple)

Jeti Lim

Lim Thai Chor merupakan dewa yang menawarkan perlindungan kepada penduduk jeti klan ini. Oleh itu sebuah kuil telah dibina untuknya iaitu Kuil Sun Moon pada tahun 1976.Pada hari lahir Dewi Pelaut Mazu pada hari ke-23 bulan lunar ke-3 penduduk akan mengadakan perarakan keagamaan khas.



Gambar Rajah 4.8 : Majlis Perarakan Tuhan Lim Thai Chor

Sumber : Georgetown World Heritage Incoporation

Para penyembah akan mengarap patung Mazu ke seberang iaitu Butterworth dengan menyeberangi air laut. Patung tersebut akan diarak dengan menaiki bot dan dianaiki dengan kereta sedan apabila telah tiba ke darat. Selain itu, patung itu akan disediakan kerusi dan diangkat melalui pengkarangan jalan dan tarian naga. Kebanyakan mereka percaya sesiapa yang lalu dari bawah kerusi akan dirahmati dan berjaya.

4.5.2 GOD OF HERBS DAN WU GU XIAN ZU (FIVE CEREALS GOD SHRINE)

Berada di Hujung jeti dan mempunyai jalan kecil sahaja untuk datang ke tempat berkenaan. Kuil ini kecil sahaja dan dibina dengan bentuk duit syiling cina yang lama di permukaan tingkap. Kuil ini dibina untuk mendapat perlindungan daripada penyakit dan bencana



Gambar Rajah 4.9 : Kuil Wu Gu Xian Zu

Sumber : Georgetown World Heritage Incoporation

4.5.3 GOD OF HADES DAN SUAN HAI ING YAN TIAN (MOUNTAIN SEA YING-YANG TEMPLE)

God Of Hades diberi gelaran sebagai penjaga neraka. Kuil Suang Hai Ing Yang Tian dibina dengan gelaran Mountain Sea Ying-Yang Temple dengan menampalkan gambar pemandangan Neraka sebagai Tuhan Hades atau dikenali sebagai Taiseh-Yah oleh penduduk tempatan. God Of Hades dapat digambarkan sebagai penjaga dunia. Contohnya Buddha menganggap penjara tersebut sebagai tempat siksaan besar bagi pendosa dan jiwa jahat. Para pengawai di dalam penjara tersebut ialah kurniaan daripada tuhan dengan penampilan yang menakutkan. Dewa neraka merupakan dewa yang sangat

digeruni dan mereka percaya tiada azimat yang boleh menghalang dewa berkenaan.



Gambar Rajah 4.10:Kuil Suang Hai Ing Yang Tian

Sumber Georgetown World Heritage Incoporation

Semasa perayaan hantu lapar yang jatuh pada bulan junar Cina ke-7 setiap tahun akan menyebabkan kuil ini sibuk. Penduduk di sini akan datang ke sini untuk menyenangkan hati roh-roh yang mengembara ke rumah masing-masing selama sebulan. Semasa sebulan tersebut God Of Hades akan dihiasi dengan imej baharu seperti pakaian kertas ketubuh patung. Pembakaran kayu dan persembahan akan dilakukan untuk menghantar semangat ke tempat yang mereka perlu berada

4.5.4 God Of Health Dan Cho Yuan Kong (Temple Of Good Health)

Jeti Chew

Kuil Cho Yuan Kong dibina untuk memberi perlindungan kepada penduduk jeti dan berada berdekatan dengan pintu masuk jeti. Kuil ini meminta perlindungan daripada Boasheng untuk menyelamatkan masyarakat jeti klan daripada sakit dan penyakit..



Gambar Rajah 4.11 : Cho Yuan Kong (Temple Of Good Health)

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

4.5.5 God Of Bleesings Dan Kang Thean Kong (Temple Of God Bleesings)

Kuil menghadap ke laut supaya menghormati tuhan kutub utara yang menjaga keselamatan air dan kebakaran.



Gambar Rajah 4.12 : Kang Thean Kong (Temple Of God Bleesings)

Sumber : Lia Hasty

4.5.6 Hai Gua Klong (Temple Of Sea Blessings)

Kuil ini menawarkan nasib, keselamatan dan hikmah kepada orang beribadat. Kuil ini mempunyai beberapa penganut Taoist dan Confucius yang datang beribadah.

4.5.7 Ting Hai Keong (Temple Of Storm Claming)

Kuil ini meberi maksud kepada Tuhan daripada kutub utara dan 14 dewa yang lain duduk di atas mezbah.

4.5.8 Qing Yang Gong (Clear Rock Temple)

Kuil ini menunjukkan tuhan penaung ialah Raja Monyet Sun Wu-Kong di sebuah kerajaan langit.

4.5.9 God Of Reflection Dan Chong Eng Tien (Temple Of Reflection)

Jeti Tan

Kuil ini ditubuhkan pada 1917 dan dibina semula pada 1968. Kuil dibina untuk menghormati penaung tuhan iaitu jeneral Tan Guan Kwong yang tinggal di Dinasti Tan dan dihormati sebagai pengasas Zhangzhoun di Fujian. Meraka datang menghormati beliau sebanyak dua kali seminggu supaya boleh mencari penyelesaian kepada masalah mereka seperti permintaan atau penjudian.



Gambar Rajah 4.13 : Chong Eng Tien (Temple Of Reflection)

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

4.5.10 Temple Of Goddes Of Seafarers Mazu

Kuil ini menghormati Putera Kanak-kanak Nazha dan Putera Dinasti Tan. Kuil ini dibiarkan bersendirian dengan laluan penjalan kaki yang sangat panjang.



Gambar Rajah 4.14 : Temple Of Goddes Of Seafarers Mazu

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

4.5.11 Boasheng God Of Health Dan Kim Aun San Si (Golden Saddle Hill Temple)

Jeti Lee

Kuil ini merupakan kuil utama untuk penduduk Jeti Lee pada tahun 1972. Antara dewa utama yang disembah ialah Dewa Kesihatan Baosheng yang dibawa daripada kampung asal di China dan Anak Putera Nazha yang disegani oleh penduduk tempatan. Anak patung tersebut dipercayai diseludup keluar dari kuil utama di China semasa Revolusi Kebudayaan.



Gambar Rajah 4.15 : Kim Aun San Si (Golden Saddle Hill Temple)

Sumber : Abdul Aziz

4.5.12 Xuantian God dan Kee Thean Kong (Temple of Heaven Ascension)

Jeti New

Kuil ini diletakkan pada hujung sudut Jeti New dan hanya menyembah tuhan Xuantian dan Tua Pek Kong.



Gambar Rajah 4.16 : Kee Thean Kong (Temple of Heaven Ascension)

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

4.5.13 Hui Teong Keong (Temple of Meeting Hall)

Kuil ini mengambungkan nombor dewa termasuk dengan dewa anjing sekali. Penaung kepada kuil ini ialah Tuhan Wu Xian iaitu Tuhan Api dan Chor Soo Kong bertanggungjawab menyembuhkan perbagai penyakit. Berhala anjing pula yang duduk di altar mempunyai kuasa istimewa.



Gambar Rajah 4.17 : Hui Teong Keong (Temple of Meeting Hall)

Sumber : Abdul Aziz

4.6 PERAYAAN THI KONG SEH

Upacara ini merupakan upacara tahunan iaitu doa kepada tuhan untuk memperingati hari lahir Jade Emperor God pada malam ke-9 Tahun Baru Imlek dan disambut secara besar-besaran di sini dan kekal sebagai salah satu acara terbesar dan kemuncak di Pulau Pinang. Penduduk akan menyediakan makanan seperti babi panggang, pastrid dan buah-buahan diletakkan di atas altar sepanjang 50 meter di tepi jalan utama . Bahagian tepi meja diikat bersama dengan tebu symbol kesyukuran kepada Tuhan dan keratan rentas mereh bertuah digantung paa batang tebu dan ditampal pada persembahan makanan.

Mezbah itu dikelilingi oleh kaki-kaki besar kayu joss gergasi berwarna-warni dan pada pukulan tengah malam bunga api dilepaskan, menjadikan jalan pemandangan ajaib. Upacara ini boleh dijaga di dalam AKTA 645 sebagai satu warisan dalam bahagian II seksyen 3 iaitu dasar berhubung dengan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan. Contohnya menteri hendaklah bertanggungjawab menyediakan atau mengeluarkan dasar, pernyataan atau arahan berkenaan dengan apa-apa perkara, urusan, strategi atau pengedalian pemuliharaan dan pemeliharaan warisan. Menteri tidak boleh menyediakan atau mengeluarkan apa-apa dasar pernyataan atau arahan di bawah subseksyen (1) jika perkara, urusan , strategi atau pengendalian pemuliharaan dan pemeliharaan warisan melibatkan kuasa atau bidang kuasa Negeri yang berkaitan telah dirundingi.

Dalam seksyen 72 iaitu Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan Kebangsaan . menteri boleh mengenakan tatacara dan garis panduan yang

berlaianan sebagaimana yang ditetapkan bagi pengurusan , pemuliharaan dan pemeliharaan kategori yang berlainan bagi Warisan Kebangsaan. Menteri boleh meluluskan apa-apa bantuan kewangan kepada penmunya , penjaga atau pemegang amanah suatu Warisan Kebangsaan bagi pematuhan mana-mana tatacara atau garisa panduan yang ditetapkan di bawah seksyen (1)

4.7 PERTANDINGAN BOT NAGA

Pertandingan Bot Nga di kalangan Jeti Clan sudah mula bertapak pada tahun 1956. Pertandingan ini pernah dijalankan dalam Acara Kaum Kebudayaan Cina yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang dan Jeti Chew telah menjadi juara dalam pertandinagn tersebut. Selepas 30 tahun memasuki acara ini Jeti Chew tampil juara dalam Acara Kelab Terbuka Pulau Pinang pada tahun 1988,1992,1993 1994 dan juga menjadi Naib Juara pada tahun 1989 dan 1991.

Pada thun 1990 Jeti Chew juga menjadi juara dalam Acara Terbuka Pulau Pinang pada thaun 1990. Jeti Chew juga pernah mewakili Negeri Pulau Pinang ke luar negara untuk menyertai Pertandingan Antarabangsa Perahu Naga di peringkat Antarabangsa. Kelab yang membawa Jeti Chew ke peringkat antarabangsa ialah Chew Jetty Boat Team. Oleh itu, kelab ini melakar sejarah di Pulau Pinang di persada di antarabangsa sehingga sekarang bot yang digunakan menjadi satu objek warisan yang diletakan di Jeti Chew. Dalam AKTA 645 bahagian VIII dalam objek warisan seksyen 47 mana-mana orang yang mempunyai apa-apa objek yang mempunyai objek yang mempunyai sebab untuk mempercayai mempunyai warisan kebudayaan yang penting hendaklah serta-merta memberitahu pensuruhjaya , mana-mana pengawai

yang diberikuasa atau Pengawai Daerah bagi daerah tempat objek itu dijumpai, dan jika boleh dilaksanakan ,menghantarkan objek itu kepada Pensuruhjaya .

Pada seksyen 49 pula iaitu Pengisytiharaan sebagai objek warisan oleh Pensuruhjaya. Contohnya Pensuruhjaya boleh mengisytiharaan dalam Warta apa-apa objek yang mempunyai warisan kebudayaan yang penting sebagai objek warisan dan hendaklah menyebabkanya disenaraikan dalam Daftar. Sebelum pengisytiharaan di bawah subseksyen (1) keizinan penemu objek hendaklah diperoleh dan bagi maksud itu, Pensuruhjaya boleh memberi apa-apa peluang terlebih dahulu kepada penemunya untuk membuat reperesentasi atau penghujahan berhubung dengan pengisytiharan yang dicadangkan sebagaimana boleh dilaksanakan dalam hal keadaan itu dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

4.8 TARIAN SINGA

Tarian singa adalah sebahagian daripada tarian tradisional dalam adat warisan masyarakat Cina yang mana penari akan meniru pergerakan singa dengan menggunakan kostum singa. Kostum singa itu dimainkan oleh dua penari iaitu seorang di bahagian hadpan dengan mengerakkan kepada kostum manakala pasangan penari akan berada di bahagian belakang kostum singa tersebut. Kedua-dua penari itu akan bergerak seakan-akan singa di atas pentas yang disediakan. Tarian Singa di Jeti Clan akan dimainkan pada Tahun Baru Cina dan dimainkan setiap tahun untuk meraikan Tahun Baru Cina.

Dalam AKTA 645 bahagian VII seksyen 45 tarian singa boleh dijadikan sebagai Nilai budaya yang penting dalam menjaga Jeti Clan seperti tertakluk , Pesuruhjaya hendaklah berunding dengan Majlis untuk menyediakan sesuatu pelan pengurusan pemuliharaan bagi mengalakkan pemuliharaan , pemeliharaan , pemuliharaan , pemberkualihan atau pembinaan semula suatu warisan. Ia memastikan pengurusan wajar sesuatu warisan termasuk penggunaan dan pembangunan semua bangunan dan tanah dalam tapak warisan itu pemeliharaan persekitaran termasuk langkah-langkah memperelok persekitaran hidup dari segi fizikal , perhubungan, kesejahteraan sosio-ekonomi ,pengurusan lalu lintas dan penggalakan pertumbuhan ekonomi dan menggalakan skim pendidikan atau bantuan praktikal dan kewangan kepada penduduk bagi penglibatan masyarakat dalam membuat keputusan.

Pensuruhjaya hendaklah mengemukakan pelan pengurusan pemuliharaan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pelaksanaan pelan pengurusan pemuliharaan dan garis panduanya. Bagi menjaga nilai budaya

tersebut Pensuruhjaya akan memainkan peranan beliau untuk merangka garis panduan untuk memelihara budaya berkenaan.

4.9. BUDAYA MAKANAN

Jeti Klan mempunyai jenis makanan lebih sama dengan penduduk cina yang lain tetapi ia memfokuskan seafood sebagai hidangan utama. Penyediaan makanan dalam bentuk sajian dan menu merupakan warisan yang diturunkan dari satu generasi ke generasi. Malah ia dipertahankan sehingga hari ini . Tambahan pula, peningkatan restoran dalam penyediaan masakan tradisional menimbulkan minat kepada para pembeli. Masakan penduduk di Jeti Klan lebih kepada gaya Hokkien. Semasa penduduk Jeti Klan menawarkan diri untuk berkerja mereka membawa masuk budaya, bahasa, dan kemahiran. Contohnya memasak dengan menggunakan bahan masakan yang simple seperti tofu, bihun, mee dan kicap.

4.9.1 GAYA MAKANAN HOKKIEN

Jenis makanan Hokkien merupakan gaya pemakanan menggunakan kuah sup dan mee. Jeti Clan mempunyai ramai penduduk daripada Fujian, China dan banyak menggunakan Bahasa Hokkien iaitu sebahagian daripada Zhangzhou yang menggunakan kata pinjaman Melayu dan Inggeris dengan meluas. Terdapat pelbagai jenis makanan Hokkien seperti Hokkien Mee Prawn (Mee Sup Udang), Loh Mee (Mi Dalam Kuah Masam), Lok-Lok (Makanan lidi dalam air mendidih), Loh Bak (gulung daging) dan Oh Kio (pencuci mulut jeli). Makanan-makanan ini disajikan kepada penduduk tempatan setiap hari kerana terdapat gerai di tempat berkenaan.

Mengikut AKTA 645 iaitu peniaga berdaftar warisan dalam bahagian XII Bab 3 seksyen 31 peniaga berdaftar butiran warisan. Contohnya tiada seorang boleh berurus niaga dalam apa-apa butiran melainkan jika dia seorang peniaga berdaftar dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang diberikan oleh Pensuruhjaya. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali. Jenis makanan ini boleh dianggap sebagai nilai warisan kerana gaya Hokkien telah lama digunakan oleh penduduk Cina di Fujian. Selain itu, setiap perniaga mempunyai lesen berniaga dengan memohon kepada Pensuruhjaya untuk didaftarkan sebagai perniaga berdaftar warisan kebudayaan dengan apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan.

4.9.2 HOKKIEN


Gaya permakanan Hokkien merupakan makanan terbaik untuk masyarakat Cina. Makanan dibawa oleh masyarakat Fujian daripada China dikenali sebagai masakan mee atau hokkien. Masakan hokkien ialah makanan asli Cina yang berasal daripada tanah Fujian . Masakan ini lembut ringan dan berperisa dengan penekanan teksture yang lembut yang dikenali sebagai Xianwe dalam masakan cina. Masakan ini mengekalkan rasa asli bahan utama dan menggunakan makanan laut seperti ikan, kerang dan sebagainya.

Teknik penggunaan masakan ini ialah merebus dan mengukus. Selalu tukang masak akan memberikan perhatian sepenuhnya kepada dalam kemahiran menggunakan pisau dan teknik memasak untuk meningkatkan rasa, aroma dan tekstur makanan laut. Penekanan kepada sup mee menjadikan

perbezaan terhadap masakan. Contohnya penggunaan bahan lain seperti sos ikan dicampur dalam kuah bersama makanan laut seperti ikan , tiram, ketam dan udang. Masakan Fujian mempunyai kesan yang mendalam terhadap masakan Taiwan dan Cina luar negara yang terdapat di Asia Tenggara. Hal ini dikatakan demikian kerana masakan Fujian mempunyai perasa unik termasuk perasa pes, udang , gula, sos dan aprikot yang diawet . Fujian juga dikenali dengan hidangan mabuk iaitu wain yang diperap untuk menyedapkan hidangan sup dan rebusan mereka.

4.10 JENIS MAKANAN

NAMA MAKANAN	GAMBAR
Hokkien Mee Prawn (Mee Sup Udang)	 <p>Gambar Rajah 4.18 : Hokkien Mee Prawn (Mee Sup Udang)</p> <p>Sumber : Rasa Malaysia</p>
Loh Mee (Mi Dalam Kuah Masam)	 <p>Gambar Rajah 4.19 : Loh Mee (Mi Dalam Kuah Masam)</p>

	Sumber : Kelly Home Chef
Lok-Lok (Makanan lidi dalam air mendidih)	 <p>Gambar Rajah 4.20: Lok-Lok (Makanan lidi dalam air mendidih)</p> <p>Sumber : Malay Mail</p>
Loh Bak (gulung daging)	 <p>Gambar Rajah 4.21: Loh Bak (gulung daging)</p> <p>Sumber : Halal Food Master</p>
Oh Kio (pencuci mulut jelai)	 <p>Gambar Rajah 4.22 : Oh Kio (pencuci mulut jelai)</p> <p>Sumber : Crisf Of Life</p>

4.10.1 HOKKIEN MEE PRAWN (MEE SUP UDANG)

Mee Hokkien ini sangat popular dalam kalangan masakan Hokkien tempatan. Mee akan disedikan dengan sup tulang khinzir dan kulit udang yang direbus. Selepas itu akan dihiasi dengan tauge, daging babi , udang dan sayuran. kebanyakan catatan mengatakan sup mi udang Hokkien ini dibawa ke Singapura pada tahun 1880-an oleh pendatang Fujian dari China. Sup ini memerlukan udang dan kerang yang dikeringkan dan dibancuh selama 8 jam untuk membuat sup. Mee ini menggunakan tepung Australia dan larutan akali untuk membuatkan mee itu menjadi kuning sebelum dipotong menjadi mee. Bahan utama untuk menjadikan sup lebih lazat dengan penyediaan stok yang kaya. Rusuk babi akan diambil dan diperangkap terlebih dahulu sehingga lemak terkeluar. Lemak tersebut akan diambil dan dicampur dengan bawang putih dan bawang merah lalu dikisar sehingga naik bau. Tulang babi akan direbus dengan lada hitam dan putih serta bunga lawang. Seterusnya kepala udang yang digoreng dan berperisa dengan gula baru karamel ditambah dengan sup yang direneh selama sejam. Garam dan sos ditambah pada akhir babak untuk menyempurnakan sup.

4.10.2 LOH MEE (MI DALAM KUAH MASAM)

Lor Mee ialah hidangan me Hokkien daripada Zhangzhou yang dihidangkan dalam kuah pekat. Kuah pekat ini diperbuat daripada tepung jagung , rempah ratus , daging , dan telur. Di dalam mee tersebut akan diletakkan kek ikan , ladu daging bulat , telur rebus separuh masak dan sebagainya. Untuk bahan tambahan mee tersebut cuka dan bawang putih menjadi plihan. Hidangan mee ini ringan dengan kurang kanji dan makanan laut manakala daging merupakan

sajian utama dalam menu ini. Loh mee ini boleh digambarkan kepada mee kuning dengan tauge, telur dan daging babi dalam gelap pekat kuah. Kuah sajian sedikit masam kerana bercampur dengan asam jawa.

4.10.3 LOK-LOK (MAKANAN LIDI DALAM AIR MENDIDIH)

Sajian ini seperti steamboat hanya setiap makanan tersebut akan dicucuk dengan lidi dan di didihkan oleh air panas. Sebuah periuk akan diberikan kepada pelanggan dan makanan akan dimasukan selepas pelanggan memilih. Masa masakan pulak bergantung kepada jenis makanan yang dipilih. Selain itu, peniaga memberikan jenis sos untuk mencelup makanan seperti sos kacang, cili hijau , cili merah atau sos manis. Para pelanggan tidak boleh mencelup makanan dua kali untuk mengelak pencemaran air di dalam periuk berkenaan. Antara jenis makanan yang ditawarkan ialah kerrang, sotong, obor-obor , sayur-sayuran hijau , tauhu , berbola daging, daging babi , ikan dan sebagainya. Sajian ini sangat menarik kerana gerai di kawasan terbuka sesuai untuk makan dengan kawan-kawan.

4.10.4 LOH BAK (GULUNG DAGING)

Sajian merupakan hidangan yang akan dimasak semasa perayaan doa kepada ibu mertua dan banyak dihidangkan ketika menyambut perayaan Tahun Baru Cina. Orang Hokkien memanggil sajian ini Loh Bak. Kebanyakkan sajian ini dijual oleh penjaja dan dihidangkan dengan kuih udang goreng serta sos lima rempah dan sos cili yang unik. Hidangan ini banyak dijual apabila ada persembahan opera terhadap kelahiran Tuhan mereka. Terdapat beberapa cara untuk membuat makanan ini iaitu dengan menggunakan daging cincang, kanji jagung dan kacang hijau untuk mengacau dan memerap inti. Proses

membuat Loh Bak ini memakan masa kerana ia begitu rumit untuk menggulung daging supaya ia mampat dan tidak terkeluar. Selepas siap mengulung hidangan akan disimpan di dalam peti sejuk. Apabila hendak mengoreng ia perlu memasak dengan api perlahan supaya tidak hangus.

4.10.5 OH KIO (PENCUCI MULUT JELI)

Oh Kio ini disebut sebagai bahasa Hokkien Taiwan. Nama sebenarnya ialah Jeli Aiyu yang dibuat oleh biji ara. Kebanyakan masyarakat di Jeti Klan menyukai Oh Kio kerana cuaca panas di Pulau Pinang sepanjang tahun menarik minat kesejukan jelai yang lembut dan manis apabila dimakan. Oh Kio ini ditawarkan dengan 4 jenis pencuci mulut iaitu jeli aiyu, cendol, minuman biji selasih dan daun pegaga.

4.11 BUDAYA BERNIAGA

Georgetown telah diiktiraf oleh UNESCO menjadi sebuah bandar bersejarah dengan pelbagai latar belakang yang unik. Hal ini termasuk Jeti Klan menjadi tumpuan utama pelancong mahupun pelacong tempatan dan luar negara. Oleh itu, para penduduk Jeti Klan menfokuskan jualan kepada pelancong yang datang contohnya jualan topi, baju, makanan, dan sebagainya. Hal ini disebabkan perniagaan telah menjadi sebuah budaya dalam mendidik bangsa. Perubahan psikologi dan budaya niaga usahawan cina menunjukkan perubahan dalam dekat 1990-an seperti konteks struktur dasar-dasar ekonomi, politik dan struktur masyarakat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam pakatan etnik cina memiliki dan menyumbang pengetahuan, pengurusan, pengalaman kecekapan dan modal tetapi orang melayu tidak mempunyai pengalaman bernesaga dan hanya berpengangguran kepada pengaruh politik, pentadbiran dan bertindak sebagai rakan kongsi (Nonini 1983;195).

Perkembangan orang cina dalam perniagaan dapat dianalisi dalam perkecambangn sejarah Malaysia iaitu zaman ekonomi bebas(1991-1999). Dasar Ekonomi Bebas (1971-1990) dan zaman pasca DEB(1991-1999). Masyarakat cina suka melabur dan ramai orang melayu tidak berkemampuan untuk mengurus perniagaan besar dan moden. Pada zaman ekonomi bebas usahawan cina telah mengumpul kekayaan dan kembangkan perniagaan. Beberapa kumpulan peniaga yang Berjaya membina konglomerat mereka dalam zaman ini terdiri daripada mereka menjalin hubungan rapat dengan kerajaan dan ahli-ahli politik yang berpengaruh (Cheong 1990 : 72 & 75 ; Gomes 1999 ;63 Jesudason 1990; 61-62). Oleh itu, budaya bernesaga sudah kebiasaan bagi masyarakat cina

4.12 NILAI KEPENTINGAN SEJARAH JETI CLAN

Jeti Clan merupakan sebuah sejarah melibatkan kerajaan Negeri Kedah. Pembinaan jeti pada abad ke-18 telah mendapat perkenaan raja Kedah untuk membantu orang Cina mendapat pekerjaan. Mereka juga sedia menawarkan perkhidmatan kepada raja Kedah dalam kerja-kerja pelabuhan. Selepas, pemberian Pulau Pinang kepada British, jeti ini tetap kukuh di tempat asal dan pelabuhan baru digantikan oleh British. Hal ini menyebabkan penduduk Jeti Clan terpaksa melakukan kerja –kerja lain seperti, nelayan, petani, buruh paksa dan sebagainya. Semasa Perang Dunia Kedua, hampir separuh Jeti ini mempunyai kerosakan akibat pengeboman udara.

Selepas Kemerdekaan Malaysia, penduduk tempatan membangunkan kuil untuk mendapatkan perlindungan dan membangunankan semula bangunan-bangunan yang rosak. Oleh itu, nilai sejarah perhubungan dengan Raja Kedah, sejarah pembangunan dan sejarah pembentukan Pulau Pinang mempunyai kaitan dengan Jeti Clan. Jeti Clan ini merupakan simbol warisan kepada Pulau Pinang yang perlu dijaga dan dinaikan kepada Warisan Kebangsaan. Jeti ini telah dinaikan kepada Warisan Kebangsaan kerana memenuhi syarat tertentu. Contohnya dalam AKTA 645 bahagian X seksyen 67 menteri dapat mengisyiharkan mana-mana tapak warisan, objek warisan dan sebagainya kerana mempunyai kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah malaysia.

Ciri-ciri bentuk atau estetik dan pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal. Hubungan sosial atau kebudayaan dan potensi untuk mendidik , menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhungan dengan

warisan kebudayaan Malaysia. Kepentingan dalam mempamerkan kekayaan , kepelbagaiannya atau integrasi bentuk yang luar biasa dan jarang tidaknya atau keunikannya warisan semula jadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan bawah air. Gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau objek. Seterusnya apa-apa pekara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan. Jika tapak , objek atau warisan kebudayaan di bawah air terletak di atas tanah Negeri, Menteri hendaklah berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri sebelum membuat apa-apa pengisytiharaan



4.13 NILAI BUDAYA KETARA DI JETI CLAN

4.13.1 NILAI SENI BINA PENGEKALAN KAYU.

Pada perang dunia ke dua, hampir sebahagian jeti musnah akibat pengeboman. Jeti ini dibina semula dengan struktur asal jeti iaitu kayu. Hal ini untuk menjaga warisan Jeti Clan supaya tidak ditelan zaman. Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AKTA 645) dalam bahagian VII bab 4 seksyen 38 jika tapak warisan terletak di atas tanah beri hak milik , pensuruhjaya boleh berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat pengkiraan dengan penemunya atau penduduk bagi pemeriksaan , penyenggaraan , pemuliharan dan pemeliharaan tapak warisan, dan membeli atau memajak tapak warisan itu.

Seterusnya memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian bangunan atau monument di atas tapak warisan itu. Oleh itu, kerajaan negeri memutuskan untuk menjaga jeti dengan pengunaan kayu. Contohnya jika penduduk bersetuju dengan apa-apa yang dibuat oleh pensuruhjaya ia akan mendapat sumbangan bagi kos menjalankan apa-apa kerja pembaikan pemuliharaan yang difikirkan perlu. Sumbangan kos menjalankan kerja hendaklah dijalankan mengikut arahan Pesuruhjaya dan ia perlu membayar apa-apa kerosakan yang berlaku kepada tapak atau monumen dan bersetuju dengan pembayaran apa-apa pampasan kepada penemunya tapak itu.

Selain itu , penduduk Jeti Clan perlu membenarkan Persuruhjaya atau mana-mana pengawai diberi kuasa untuk memasuki tapak untuk memeriksa , meninjau , menyiasat atau menjalankan apa-apa kerja yang perlu bagi pemuliharaan , pembaikan, penyengaraan dan pembersihan . Penduduk juga

harus memberi notis secara tertulis tidak kurang 7 hari tentang apa-apa cadangan. Oleh itu, kuasa penduduk dan Pensuruhjaya Warisan tentang pemilikan , penjagaan dan sebagainya dalam AKTA 645 mempunyai kaitan satu sama lain dari segi hak.



4.14 SENI BINA

Seni bina merupakan sebuah ilmu untuk mengenalpasti hubungan reka bentuk sesbuah identiti. Untuk mengenalpasti sebuah seni bina kaedah pemerhatian dan kepuskataan perlu dilakukan. Dalam pemerhatian pengkaji, seni bina yang terdapat di Jeti Clan tidak tertumpu kepada seni bina Cina dengan rumah sahaja dihiasi hiasan budaya Cina. Jeti ini tidak dibina mengikut budaya ia hanya dibina dengan bilangan taburan penduduk yang tinggal. Rumah di Jeti Klan ini boleh dikira mengikut keluarga.




Gambar Rajah 4.23 : Jeti Clan

Sumber : Georgetown World Heritage Incoporation

4.15 PANJANG DAN BENTUK JETI

Jeti Klan mempunyai panjang dan lebar yang berbeza disebabkan taburan penduduk. Hal ini menyebabkan perbezaan kepada kemajuan jeti.

4.15.1 ONG JETI




Gambar Rajah 4.24 : Ong Jeti

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

Di Jeti Ong, penduduk tidak tinggal disitu kerana mempunyai aktiviti pembangunan pada masa dahulu. Jeti ini berdekatan dengan penjabat Kastam dan stesen bas Rapid Pineng. Jeti ini jarang dikunjungi oleh pelancong, hanya penduduk tempatan yang datang untuk melakukan aktiviti memancing,

meletakkan perangkap ikan. Jeti ini kecil sahaja dengan laluan penjalan kaki yang tidak begitu panjang.

4.15.2 JETI LIM




Gambar Rajah 4.25 : Jeti Lim

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

Jeti Lim mempunyai taburan penduduk yang kedua terbanyak di Jeti Klan ini. Rumah penduduk lebih ramai menghadap ke laut. Di bahagian kiri jeti binaan rumah tiada supaya memudahkan mereka meletakkan sampan berhadapan dengan rumah. Pembinaan rumah sebanyak 42 diatas air ini mempu untuk menampung semua keturunan di Jeti Lim ini namun sebahagianya terbakar akibat peperangan dunia ke dua. Pembangunan semula bergerak secara perlahan selepas perang dan pembinaan kuil baru dimulakan supaya

menaikan semangat penduduk di situ. Jeti ini tidak terlalu padat dan mempunyai ruang yang luas. Jeti ini jarang mendapat kunjungan daripada pelancong serta penempatan khas untuk penduduk di situ.

4.15.3 JETI CHEW




Gambar Rajah 4.26 : Jeti Chew

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

Jeti Chew merupakan jeti yang terkenal daripada jeti yang lain. Jeti ini mempunyai bilangan rumah terbanyak seperti 72 biji rumah. Jeti merupakan jeti terpadat dan menerima kunjungan pelancong setiap hari. Jeti ini mempunyai 5 kuil Cina yang berdekatan. Jeti ini juga menjadi fokus utama dalam upacara agama Buddha. Ia terdiri daripada kebanyakan kuil Cina dan banyak sembahyang tahunan diadakan di sini (Liang,2015). Jeti ini melakukan aktiviti

perniagaan seperti menjual topi, baju, cenderahati dan sebahagian jeti menjadi kedai makan. Jeti ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu kawasan perniagaan dan kawasan perumahan penduduk. Kawasan perniagaan memfokuskan ekonomi penduduk dan pelancong . Rumah jeti saling menghadap satu sama lain dan rapat dinding rumah ke rumah.

4.15.4 JETI TAN




Gambar Rajah 4.27 : Jeti Tan

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

Jeti Tan mempunyai laluan penjalan kaki yang sangat panjang. Laluan penjalan kaki ini dibiarkan panjang untuk ke kuil yang terletak di hujung jeti. Jeti ini sama dengan Jeti Lim iaitu pembinaan rumah di bahagian kanan sahaja. Di bahagian kiri pula dibiarkan kosong. Pelancong kerap juga datang ke Jeti Tan kerana

laluan penjalan kaki yang panjang menarik minat pelancong untuk menangkap gambar. Tan jeti mempunyai bilangan rumah sebanyak 11 sahaja tanpa kedai.

4.15.5 JETI LEE



Gambar Rajah 4.28 : Jeti Lee

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

Jeti Lee mempunyai taburan penduduk yang padat tetapi tidak seperti Jeti Chew. Mempunyai bilangan rumah sebanyak 24 biji. Hanya mempunyai 1 kuil di hadapan pintu masuk jeti. Rumah Jeti Lee ini berhadapan antara satu sama lain manakala dibahagian tepi mempunyai ruang sedikit antara rumah. Kebanyakkan penduduk di jeti ini berasal daripada Ong jeti. Laluan penjalan kaki sangat pendek. Kebanyakan rumah di sini rapat dengan penghujung jeti.

4.15.6 JETI NEW




Gambar Rajah 4.29 : Jeti New

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation

Jeti New mempunyai bilangan rumah sebanyak 20 biji. Setiap bilangan rumah saling berhadapan dan jeti ini merupakan jeti kedua terkecil. Jeti ini sangat padat dan kuil terletak di hujung jeti. Penghujung jeti ini ialah sebuah rumah dan tiada lebahan laluan penjalan kaki. Kebanyakan penduduk di sini datang daripada pelbagai latar belakang dan bukan keturunan pedangan cina pada masa lalu.

4.15.7 JETI YEOH



Gambar Rajah 4.30 : Jeti Yeoh

Sumber: Georgetown World Heritage Incoporation


Jeti Yeoh merupakan jeti terkecil dan terletak berhampiran dengan kawasan daratan. Bilangan rumah di jeti ini sebanyak 20 dan pembinaan rumah tidak teratur. Jeti ini mempunyai laluan penjalan kaki yang panjang tetapi tidak lurus, laluan itu sedikit membengkok . Kuil terletak di hadapan jeti tetapi bukan di tempat masuk utama jeti. Susunan rumah tidak teratur disebabkan jeti berhampiran dengan daratan.

4.16 STRUKTUR RUMAH DAN BINAAN RUMAH.

Binaan rumah di atas jeti ini masih lagi menggunakan kayu. Taburan rumah teratur disebabkan pembinaan jeti yang sesuai. Untuk mereka bentuk struktur jeti yang stabil beberapa kriteria pembinaan haruslah dititikberatkan seperti tekanan hidrostatik ,suhu ,gelombang air laut dan tiupan angin. Untuk Jeti Klan terbahagi kepada 2 iaitu laluan penjalan kaki dan kawasan perumahan. Laluan penjalan kaki sering digunakan pada masa dahulu untuk mengangkat barang daripada kapal dan barang muatan berat. Oleh itu, rumah-rumah perkerja jeti dibina di bahagian tepi laluan penjalan supaya tidak menganggu kerja-kerja pemungahan. Selain itu, ia juga dapat menampung beban pelancong untuk menstabilkan tekanan-tekanan berat.

4.16.1 STRUKTUR RUMAH MEMANJANG

Pembinaan rumah berasaskan kayu. Rumah kayu tradisional merupakan sebuah warisan dunia dalam seni bina. Pembinaan kayu terhadap rumah tradisional amat digalakan supaya mengekalkan bahan binaan kayu. Struktur rumah memanjang ini boleh didapati di Jeti Chew. Pada bahagian hadapan rumah telihat lebih kecil daripada rumah biasa. Hal ini dikatakan demikian pembinaan rumah memanjang ke belakang untuk mendapatkan ruang selesa kepada semua penduduk dan isi rumah. Setiap rumah akan mendapat ruang yang sama . Pada bahagian bumbung hadapan akan dinaikan dan meletakkan atap menurun sehingga ke bahagian tepi. Risiko rumah yang berhadapan dengan laut tanpa sebarang perlindungan membawa kepada kerosakan. Kelajuan angin mampu menolak atap bumbung sehingga longgar. Begitu juga pada bahagian kayu, rumah ini berteraskan kayu sebagai tiang utama. Sama seperti rumah tradisional Melayu, cuma tiang bawah akan disimen dan tutup dengan batang paip pvc supaya penghuraian tidak berlaku dengan cepat.



Gambar Rajah 4.31 : Struktur Rumah Memanjang


Sumber: Abdul Aziz

4.16.2 STRUKTUR RUMAH MELEBAR.

Struktur rumah boleh didapati di Jeti Chew, New dan Lee. Rumah ini seperti rumah teres iaitu menggunakan kaedah melebar dan memanjang untuk memenuhi ruang-ruang di tepi. Di Jeti Lee pembinaan rumah seragam dengan ketinggian untuk mencipta sesuatu yang bergaya. Pembinaan rumah melebar ini mengikur konsep rumah teres iaitu mengulangi satu reka bentuk yang dicantumkan ke baris-baris dan menggunakan konsep yang sama pada rumah yang berhadap denganya. Oleh itu, ruang di kawasan jeti dapat dijimatkan dengan bilangan penduduk di kawasan jeti berkenaan. Walaubagaimanapun, terdapat sedikit ruang antara rumah kerana setiap rumah di jeti mempunyai teras tiang ke dasar untuk menampung beban. Jika dinding rumah rapat kerja-

kerja penyelenggaraan tiang rumah menjadi sukar. Pada bahagian bumbung , reka bentuk bumbung sama saja dengan rumah biasa tetapi ada juga bumbung yang menjalar ke depan. Contohnya di Jeti Chew setiap rumah mempunyai bumbung yang menjalar supaya dapat menutup cahaya matahari terkena laluan penjalan kaki. Hal ini demikian dikatakan kerana tujuan bumbung begitu untuk pelancong tidak panas ketika berjalan pada waktu siang atau masa membeli barang.


Selain itu terdapat juga rumah melebar di Jeti Lim dan Tan, rumah ini dibina dengan menggunakan satu bahagian sahaja iaitu bahagian kanan manakala bahagian kiri jeti dibiarkan begitu sahaja. Oleh itu, rumah akan berhadapan dengan laut tanpa sebarang perlindungan. Risiko rumah berkenaan menyebabkan warna cat akan cepat pudar kerana cahaya dan suhu.



Gambar Rajah 4.32 : Struktur Rumah Melebar

Sumber: Abdul Aziz

4.17 USAHA PIHAK BERKUASA DALAM MEMELIHARA DAN MEMULIHARA JETI CLAN



Gambar Rajah 4.33 : Carta Organisasi

Sumber : Abdul Aziz

4.17.1 ENAKMEN 14 DAN 15

Enakmen 14 dan 15 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada hari ke sepuluh dalam bulan Mei dan diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada hari kedua puluh tujuh dalam bulan Jun 2011 adalah disiarkan mengikut kuasanya syarat-syarat perkara 26 dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Enakmen ini dilaksanakan untuk menjaga warisan Pulau Pinang dari segi memelihara dan memulihara. Pelbagai cara dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan menjadikan Enakmen 14 ini sebagai garis paduan. Contohnya bidang kuasa Pensuruhjaya Warisan Negeri untuk menentukan sesebuah warisan. Enakmen 14 ini lengkap sebagai rujukan kepada Pensuruhjaya Warisan.

Pada bahagian ketiga iaitu berkenaan Pensuruhjaya Warisan Negeri . dari segi pelantikan Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa melantik seorang penjawat awam untuk dijadikan Pensuruhjaya Warisan Negeri bagi melaksanakan fungsi dan menjalankan kewajipan di bawah Enakmen ini. Antara fungsi pensuruhjaya ialah memastikan bahawa Enakmen ini ditadbirkan,dikuatkuasakan,diberi kuatkuasa dijalankan dan dipatuhi. Mengisyiharkan apa-apa warisan kebudayaan dan warisan semula jadi sebagai Warisan Negeri. Menyelaras dengan Majlis berhubung dengan pengurusan,pemeliharaan dan pemuliharaan warisan. Menasihati Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, mana-mana badan atau agensi lain berhubung dengan pengurusan,pemeliharaan dan pemuliharaan warisan. Menggalakan dan memudahkan apa-apa penyelidikan yang berhubungan dengan warisan.

Pada Bahagian keempat Enakmen Pulau Pinang (Enakmen 14) menceritakan mengenai warisan kebudayaan dan warisan semula jadi dengan kuasa Pensuruhjaya dan Majlis Warisan Negeri. Bagi penetapan tapak warisan pensuruhjaya dan Pihak Berkuasa Negeri menetapkan mana-mana tapak yang mempunyai nilai warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi menjadi tapak warisan dan persuruhjaya juga boleh berunding dengan majlis sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (subseksyen (1) (2)). Bagi seksyen 19 (1)

“ jika sesuatu tapak tidak mempunyai nilai warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi tetapi Pensuruhjaya berpuas hati bahawa tapak itu patut ditetapkan sebagai tapak warisan disebabkan oleh kedekatanya kepada dan untuk perlindungan dan penambahbaikan tapak yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah seksyen 18,Pensuruhjaya boleh menetapkan tapak itu sebagai warisan”

Seksyen 21 di dalam Enakmen 14 memberitahu notis penetapan tapak warisan oleh Pensuruhjaya. Contohnya apabila Pensuruhjaya membuat keputusan untuk menetapkan suatu tapak sebagai tapak warisan, Pesuruhjaya hendaklah memberi suatu notis bertulis kepada penemunya atau penghuni tapak itu tentang keputusan.

Warisan budaya tidak ketara juga disebut di dalam enakmen bab 2 seksyen 28(1) (2). Pensuruhjaya dengan kelulusan Pihak

Berkuasa Negeri, mengisyitiharkan mana-mana warisan kebudayaan tidak ketara di negeri Pulau Pinang untuk menjadi Warisan Negeri. Bagi subseksyen dua pula:

“ Mana-mana orang boleh mencadangkan kepada Pensuruhjaya mana-mana warisan kebudayaan tidak ketara untuk ditetapkan sebagai Warisan Negeri”

Pada Bahagian keenam Enakmen iaitu bahagian Pengurusan,Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Negeri, pengkaji ingin menyentuh seksyen 34 iaitu mengenai penjagaan tapak warisan. Subseksyen (1) tuan tapak warisan hendaklah memastikan bahawa tapak sentiasa dalam keadaan baik . Subseksyen (2) tentang penghuni suatu tapak warisan hendaklah membenarkan Pesuruhjaya,mana-mana pengawai yang diberi kuasa atau pengawai penguatkuasa memasuki tapak itu bagi maksud menjalankan apa-apa kerja pemuliharaan,pembaikan atau penyelenggaraan sebagaimana yang difikirkan manfaat atau perlu. Subsekyen 3 menceritakan tentang

“ Jika Pensuruhjaya berpuas hati bahawa Langkah-langkah yang munasabah tidak diambil bagi pemeliharaan sewajarnya tapak warisan itu, dia boleh menjalankan apa-apa kerja pembaikan, setelah memberikan kepada penemunya atau penghuni tapak itu empat belas hari notis bertulis mengenai niatnya untuk membuat demikian dan segala kos dan belanja yang ditanggungkan semasa menjalankan kerja itu hendaklah dibayar balik kepada penemunya atau penghuni tapak itu”

Kesimpulanya Enakmen 14 dan 15 membantu Jeti Clan sebagai sebuah tapak warisan. Latar belakang jeti berkenaan patut diiktiraf sebagai sebuah sejarah kerana terlibat dengan Negeri Kedah. Enakmen 14 ini mempunyai fungsi Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang iaitu menasihati Pihak Berkuasa Negeri bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemeliharaan , pemuliharaan dan perlindungan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi dan perkara yang berhubungan dengan pelaksanaan Enakmen ini dan mencadangkan pembentukan polisi berkenaan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi kepada Pihak Berkuasa Negeri. Majlis ini juga memantau dan menyelaras dengan pihak berkuasa perancang temapatan berhubung dengan rancangan pemajuan bagi tapak warisan dan mencadang apa-apa penambahbaikan kepada garis panduan dan pelan pengurusan pemuliharaan Warisan Negeri. Jadi,Jeti Clan ini mempunyai risiko kerosakan yang tinggi kerana terdedah kepada air laut dan pecahayaan yang kuat dan Enakmen ini akan menjadi garis panduan yang jelas kepada pemeliharan dan pemuliharaan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.17.2 CONSERVATION MANAGEMENT PLAN (CMP) AND SPECIAL AREA PLAN (SAP)


Conservation Management Plan (CMP) dan Special Area Plan (SAP) merupakan sebuah perancangan bukan hak milik kerajaan Negeri. Perancangan ini ditubuhkan selepas Kota Melaka dan Georgetown menjadi tapak bersejarah di dunia. UNESCO menyuruh Kerajaan Persekutuan memiliki sebuah garis panduan untuk memelihara dan memulihara tapak berkenaan supaya kelastarian tapak berkenaan terjaga. Oleh itu CMP dan SAP ini tercipta pada bulan January 2011. Walaupun Conservation Management Plan (CMP) dan Special Area Plan (SAP) dicipta oleh kerajaan Persekutuan ia tetap menjadi garis panduan pemeliharaan di Pulau Pinang. Di Georgetown ia dibahagikan kepada 2 kategori untuk membezakan tahap pemeliharaan ;



Gambar Rajah 4.34 : Kawasan Bersejarah

Sumber : Conservation Management Plan (CMP) And Special Area Plan (SAP)

Dalam gambar rajah diatas Georgetown di bahagikan kepada 2 iaitu kategori sejarah yang perlu dijaga dan dipelihara. Kategori pertama iaitu warna merah terang menunjukkan beberapa tempat perlu dipelihara dan dijaga atau membaiki jika ada kerosakan serta mengekalkan bentuk yang sebenar di kawasan berkenaan. Seterusnya merah tidak terang dikategorikan pada bahagian kedua iaitu kawasan berkenaan akan dikenakan sebagai tempat bersejarah dengan membuat pemelihara tidak berterusan, jika ada kerosakan mereka akan menilai dahulu kerosakan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana jika kerosakan yang besar belaku ia akan melibatkan kos kewangan yang banyak. Jeti Clan ini termasuk sekali dengan kategori kedua.



Gambar Rajah 4.35 : Laluan Perarakan

Sumber : Conservation Management Plan (CMP) And Special Area Plan (SAP)

Dalam gambar rajah diatas , ia merupakan jalan perayaan mengikut agama yang di bahagikan oleh Kerajaan Persekutuan. Contohnya pada perayaan Nine Emperor Chinese Festival pada 8 hari mengikut Chinese Lunar Calendar . Meraka akan mula perarakan daripada Tao Boo Keong Temple yang berada di tengah Georgetown ke Jeti Yeoh. Jalan yang digunakan akan di tutup oleh pihak berkuasa supaya tidak sesak dengan jalan harian. Dengan pelan pengurusan ini kawasan yang terlibat dengan jalan utama Pulau Pinang akan menjadi teratur sekiranya terlibat dengan pelbagai acara. Dalam CMP dan SAP ini juga terlibat dengan perayaan dari agama lain seperti Thaipusam Hindu Festival. Perarakan bermula daripada Chariot House , Peneng Street ke luar kawasan warisan dunia. Perarakan ini memerlukan banyak sukarela daripada pihak berkuasa untuk memerhati dan mengawasi jalan-jalan yang digunakan. Selain itu, perayaan-perayaan inilah yang membuat Pulau Pinang kaya dengan warisan dari setiap agama.

Seterusnya Conservation Management Plan (CMP) And Special Area Plan (SAP),menjadi pengenalan kepada pelan panduan untuk Georgetown . Pelan ini merupakan pelan pintar dan mampan kepada kota warisan. Sebagai hati kepada Pulau Pinang , Georgetown menjadi kunci kepada pelbagai budaya dalam setiap agama dan sebagai Negeri yang bersedia dalam Northen Corridor Economic Region (NCER) of Malaysia. Terdapat pelbagai potensi untuk World Heritage Side menyumbang kepada peningkatan yang lebih besar wilayah dan bandar warisan.

Dalam bahagian 3 Conservation Management Plan (CMP) And Special Area Plan (SAP) iaitu pembangunan pelan panduan untuk mencerminkan


Gergetown World Heritage Side dan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan pusat bersejarah bandar Georgetown sebagaian Bandar Warisan Lestari. Contohnya dalam pelan ini ia merancang warisan GeorgTown bertujuan untuk memastikan unsur-unsur masa lalu adalah sesuai diurus dan dihormati oleh pembangunan baharu. Pelan Panduan ini menyediakan rangka kerja untuk mengawal pembangunan semula untuk pemuliharaan. Contohnya mewujudkan rangka kerja dan panduan prinsip untuk perancangan terpirinci tentang warisan , memastikan pembangunan dalam World Heritage Side dirancang dan dibina dengan pemahaman asas tentang warisan dan tahap perubahan yang harus menghormati warisanya dan meningkatkan elemen landskap bandar bagi bandar dengan cara yang diraikan dan memperkayakan Sejagat Cemerlang Nilai yang menjadikan GerogeTown sebagai Tapak Warisan Dunia. Oleh itu Conservation Management Plan (CMP) And Special Area Plan (SAP) juga mencadangkan pembinaan WaterFront Promenade di kawasan Jeti Clan dengan tujuan membina persiaran tepi pantai menghubungkan Pengkalan Weld dengan laluan penjalan kaki yang selamat.

Bangunan yang berada di Pengkalan Weld akan diubah dengan laluan penjalan kaki dan perhentian teksi akan ditempatkan di hujung Jeti Clan. Pelan ini digunakan supaya kawasan Jeti Clan tidak diganggu dan warisan berkenaan akan dijaga. Walaubagaimanapun, pembinaan Waterfront Promenades perlu mempunyai kriteria berikut sebelum melakukan pembinaan seperti ditetapkan dalam Conservation Management Plan (CMP) And Special Area Plan (SAP) iaitu integrase dengan bandar dalaman dan semua pembangunan semula, boleh diakses oleh orang ramai dan mematuhi prinsip akses universal. Kemungkinan penyepaduan dengan landskap dan sisitem pengurusan air.

Memulihkan menggunakan semula dan secara amnya meminimumkan jumlah sumber asli yang digunakan. Penggunaan jalan baharu dengan penambahan struktur jalan dengan mengurangkan risiko pencahayaan dan jika ada jalan bersejarah ia akan digantikan atau dipulihkan dan dibina semula.

4.17.3 JABATAN KONSERVASI PULAU PINANG

Jabatan Konservasi Pulau Pinang mula dibentuk selepas Majlis Pembandaran dibentuk. Fungsi Jabatan ini untuk memelihara bangunan-bangunan sejarah di Pulau Pinang dengan merujuk (Special Area Plan). Jabatan ini menitikberatkan bangunan yang mempunyai konsep pertimbangan dari segi sejarah dan seni bina, perletakan, kebudayaan, teknologi pembinaan. Bagi kategori bangunan warisan pula terbagi kepada 2 iaitu bangunan warisan dan bukan warisan. Bangunan warisan terbahagi kepada dua iaitu kategori satu dan dua manakala bangunan bukan warisan pula terdiri daripada *Infill Development* dan *Replacement*.



Gambar Rajah 4.36 : Bilangan Bangunan Warisan

Sumber : Jabatan Konservasi Pulau Pinang

Gambar rajah di atas terdapat 83 bangunan warisan kategori satu yang sangat dipelihara kerana mempunyai nilai dan ciri sejarah yang unik dari segi seni bina dan sosial. Manakala kategori dua paling tinggi bangunan iaitu sebanyak 3771 bangunan yang perlu dipelihara. Jeti Clan termasuk dalam kategori kedua kerana menyumbang kepada pembentukan bandar yang estetik dan imej bandar yang unik . Sebarang kerja penyelenggaran tekaluk kepada kebenaran Majlis Pembandaraan Pulau Pinang (MPPP). Bangunan bukan warisan terbagi kepada 2 iaitu *Infill Development* dan *Replacement* . *Infill Development* mempunyai bilangan sebanyak 573 bangunan dan ciri-cirinya ialah bangunan baru yang direka bentuk secara sensitif serta bersesuaian dengan kawasan setempat dan imej bandar. *Replacement* pula mempunyai bilangan sebanyak 587 dan ciri-cirinya tiada nilai warisan tidak bersesuaian dengan kawasan berkenaan .

Oleh itu, Jabatan Konservasi haruslah merujuk beberapa peraturan dan perundangan serta akta-akta berikut jika melibatkan kawasan Jeti Clan. Contohnya jika hendak memulakan pemuliharaan di kawasan berkenaan ia perlu menggunakan bahan binaan yang serupa dengan bahan asal atau mirip bahan asal . Hal dikatakan demikian kerana ia mengekalkan pelbagai elemen reka bentuk bangunan dan kawasan berkenaan. Jeti Clan termasuk kepada kategori kedua dalam pembangunan warisan dan ia bermaksud Jabatan Konservasi Pulau Pinang harus menitikberatkan kawasan berkenaan. Jeti Clan mempunyai struktur yang strategi untuk pelancong kerana ia berada di kawasan air laut. Oleh itu ia menyumbang kepada pembentukan bandar yang menarik selain dari sejarah dan budaya. Kerja-kerja Jabatan Konservasi yang

melibatkan kawasan sejarah kategori kedua kebanyakannya berada di bawah Majlis Pembandaran. Contohnya pembinaan waterfront di hadapan Jeti Clan memerlukan kos yang banyak dan perlukan beberapa persetujuan daripada beberapa pihak tertentu.



Gambar Rajah 4.37 : Pembinaan Waterfront Promandes

Sumber: Conservation Management Plan (CMP) And Special Area Plan (SAP)

Gambar rajah ini menunjukkan pembinaan waterfront di kawasan Jeti Clan seperti yang tertakluk dalam *Special Area Plan (SAP)*. Pembinaan ini mendapat persetujuan kerajaan Persekutuan dan Negeri. Oleh itu, Jabatan Konservasi Pulau Pinang memainkan peranan untuk menjayakan kawasan berkenaan dengan mengikut peraturan-peraturan tertentu.

4.17.4 Unit Penyelidikan Pembangunan Bangunan

Unit Penyelidikan Pembangunan Bangunan berkerja di bawah Jabatan Konservasi Pulau Pinang berfungsi sebagai R&D bangunan bersejarah dan tidak bersejarah di Pulau Pinang. Kebanyakan unit ini mempunyai kakitangan

yang pandai dalam arkitek dan sejarah. Sebarang kerosakan di bangunan bersejarah mereka akan memainkan peranan terlebih dahulu untuk mengkaji kos penyelengaraan, bahan yang hendak digunakan dan jangka masa untuk siap bangunan berkenaan.

Unit penyelidikan mengumpul,menganalisis data, kajian-kajian dan penyelidikan berkaitan dengan perancangan pemeliharaan kawasan bersejarah. Unit ini dapat menwujudkan suatu suasana yang bersesuaian untuk kehidupan berkerja dan beriadah dalam menjaga kawasan bersejarah. Contohnya Jeti Clan mempunyai kawasan untuk bermiaga dan kawasan perumahan untuk mengelakan sebarang kesesakan. Selain itu, ia dapat menjaga persekitaran masyarakat untuk beriadah sambil menjaga kawasan warisan berkenaan. Restoran- restoran akan diletakkan pada bahagian hadapan pintu masuk setiap jeti. Hal ini dikatakan demikian kerana Jeti Clan sangat padat dan kecil jika restoran dibina di dalam jeti ia akan menyebabkan beberapa kesesakan kepada masyarakat setempat. Kecuali Jeti Chew , jeti ini merupakan jeti terbesar dan mempunyai 2 bahagian iaitu kawasan perniagaan dan perumahan. Jeti ini lebih menfokuskan kepada bermiaga untuk para pelancong. Jadi unit ini memainkan peranan besar dalam menghidupkan kawasan Jeti Chew ini kepada kawasan bermiaga. Oleh itu, Unit penyelidikan menjadi tulang belakang kepada Jabatan Konservasi Pulau Pinang untuk memelihara dan memulihara kawasan bersejarah.

4.17.5 JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa terikat dengan Akta Jabatan ini memacu perancangan fizikal melalui pelaksanaan & memantau perancangan pembangunan yang komprehensif , sistematik , inovatif kearah kesejahteraan masyarakat. Jabatan ini juga mengkaji, menyelidik dan membangunangkan guna tanah yang mesra rakyat dan kerjasama agensi kerajaan dan swasta. Penggunaan Akta 172 Perancangan bandar dan desa bagi mengawal pembangunan agar bersifat seragam dan selesa dan selamat dalam aktiviti guna tanah .Jabatan ini juga menerbitkan Garis Panduan, Kertas Kajian dan Dokumen Perancangan untuk dijadikan sebagai rujukan orang awam.

Peruntukan yang dikandungkan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 ini mempunyai beberapa penekanan tertentu . Contohnya , penekanan kepada penyediaan pelan-pelan pembangunan yang bertujuan untuk memastikan pemuliharaan , pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan yang teratur serta selamat untuk kesejahteraan rakyat. Jika berdasarkan kepada peruntukan yang ada dalam akta ini, kebenaran merancang perlulah diperoleh dari pihak berkuasa perancangan tempatan sesebuah kawasan sebelum sesuatu pembangunan atau pemajuan itu dijalankan di sesebuah kawasan. Mengikut peruntukan yang ada di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (172) ini, sekiranya sesebuah kawasan yang ingindimajukan atau dibangunkan pihak berkuasa perancangan te,patan yang merupakan kerajaan tempatan, maka kebenaran merancang haruslah dipohon daripada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah tadi. Bagi kawasan yang tidak mempunyai kerajaan tempatan pula, pihak berkuasa perancang

tempatan bagi kawasan tersebut ialah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Penekanan terhadap kebenaran merancang dengan jelas telah dinyatakan mengikut peruntukan dalam seksyen 19 (1) Akta 172 yang memperuntukan seperti berikut :

“ Tiada seorang pun, selain dari Pihak Berkuasa Tempatan boleh bermula, mengusaha atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya”

Untuk memeroleh kebenaran merancang ini, beberapa keperluan serta prosedur perlulah dipenuhi terlebih dahulu. Harus diketahui bahawa setiap pembangunan atau pemajuan yang dijalankan tanpa terlebih dahulu memperoleh kebenaran merancang daripada pihak yang berkenaan merupakan satu kesalahan . Pihak yang melakukanya boleh didakwa jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda. Bagi Pihak Berkuasa Negeri , Akta 172 melalui peruntukanya dalam seksyen 58 dilihat telag memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat peraturan, kaedah-kaedah serta garis panduan yang difikirkan perlu bagi tujuan penjagaan monument lama, tapak dan warisan yang mempunyai kepentingan sejarah dan seni bina. Oleh itu, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang merupakan satu organisasi terpenting untuk menjaga kelestarian warisan di Pulau Pinang. Jabatan ini bukan sahaja mementingkan kemajuan dalam pembangunan, tetapi warisan juga harus dipelihara. Setiap proses untuk memajukan sesebuah kawasan , jabatan ini perlulah melihat kepada proses-proses tertentu .



Gambar Rajah 4.38 : Logo Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang

Sumber: Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.18 NGO LAIN

Untuk menjaga kelestarian warisan di bandar bersejarah Majlis Pembandaran Pulau Pinang perlu memperkuuh dengan syarikat-syarikat arkitek dan NGO lain. Hal ini dikatakan demikian kerana tenaga kerja amat diperlukan dalam membaikpulih sesuatu kawasan. Ngo merupakan pertubuhan bukan kerajaan dan ditubuhkan oleh pihak atau pertubuhan swasta yang tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan mana-mana kerajaa. Ada NGO yang dibiayai oleh pihak kerajaan. Contohnya Georgetown World Heritage Incoporation yang berada dibawah Menteri Besar Pulau Pinang.

4.18.1 GEORGETOWN WORLD HERITAGE INCOPORATION

Georgetown World Heritage Incoporation (GTWHI) ditubuhkan oleh negeri Pulau Pinang sebagai Agensi Warisan Negeri pada April 2010 untuk menerajui usaha untuk memastikan bahawa Georgetown warisan bandar tidak akan hilang . GTWHI berkerjasama dengan kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan untuk mengurus, memantau, mempromosi dan melaksanakan berkaitan warisan aktiviti. Agensi ini mengenalpasti kawasan masalah, membina strategi dan memanggil pakar dan pihak berkepentingan dalam rangkaian luas untuk berkerjasama ke arah peyelesaiannya. Gergetown merupakan bandar lagenda tetapi ia akan hancur jika gagal untuk menjaganya.



Gambar Rajah 4.39 : Logo Georgetowm World Heritage Incoporation

Sumber : Georgetowm World Heritage Incoporation

Oleh itu, penyelidikan ,kajian impak , pengunaan tapak , kesedaran awam , penjenamaan, promosi , pengangkutan awam, pelancongan dan keselemanan mesti diberikan pemerhatian sama rata . Hal ini dikatakan demikian kerana untuk memastikan kelestarian Tapak Warisan Dunia . GTWHI mempunyai banyak kerjasama , rakan kongsi daripada pakar pemuliharaan bandar, negeri dan pihak berkuasa dengan perancangan yang lebih baik, pemuliharaan dan pengurusan tapak fizikal. GTWHI juga berkerjasama dengan ahli sejarah dan pengamal seni dalam program pendidikan dan aktiviti kebudayaan.


Selain itu, GTWHI juga memberi khidmat nasihat kepada pemilik harta tanah , arkitek dan pembina, menjalankan pembangunan kemahiran bengkel, menyediakan sumber Georgetown dan warisan melalui perpuskataan dan arkib digital . GTWHI juga terlibat dengan kanak-kanak sekolah , pelajar dan intitusi pengajian tinggi dan orang ramai melalui program ceramah. Oleh itu, GTWHI memainkan peranan penting dalam menjaga kawasan Jeti Clan dengan menyediakan program-program sejarah untuk memupuk cinta kepada warisan. Contohnya kebanyakan penduduk Jeti Clan merupakan orang cina dan pemilik awal Jeti berkenaan juga cina dan GTWHI haruslah memainkan peranan untuk menyedarkan masyarakat yang tinggal disitu untuk menjaga

kawasan berkenaan. Penglibatan GTWHI dalam menyedarkan kanak-kanak di sekolah juga penting untuk memupuk minda berminat dengan warisan. Contohnya membuat program seminar untuk kanak-kanak dan remaja dengan bercerita asal usul sesuatu sejarah atau memberi buku-buku sejarah yang lain.



Gambar Rajah 4.40 : Poster Cultural Heritage Book GiveAway

Sumber : Georgetown World Heritage Incoporation



Gambar Rajah 4.41 : Program Google Meet With Students

Sumber : Georgetown World Heritage Incoporation

4.19 KESIMPULANYA

Secara keseluruhnya, dalam bab ini pengkaji telah menerangkan objektif-objektif yang terlibat yang dicapai terutamanya pada bahagian objektif 1 iaitu, sejarah dan budaya Jeti Clan . Manakala objektif kedua ialah nilai kebudayaan kepentingan warisan di Jeti Clan yang menerangkan kepentingan budaya yang perlu dijaga supaya tidak pupus. Contohnya pelumbaan bot naga, tarian singa, perayaan keagamaan dan sebaganya. Pengkaji juga menerangkan usaha-usaha yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memelihara Jeti Clan. Pengkaji juga telah menemu ramah dengan pihak terlibat untuk mendapat beberapa maklumat dengan platform tertentu. Contohnya E-mel digunakan oleh pengkaji untuk menyoalkan beberapa soalan. Dengan adanya maklumat daripada pihak terbabit pengkaji dapat mengetahui usaha pihak berkuasa, sejarah, dan budaya Jeti Clan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 5

PERBINCANGAN ,CANDANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Jeti clan menjadi tempat perdagangan pada akhir abad Ke 19. Selepas kedatangan pendagang asing daripada bangsa Hokkien. Bangsa ini merupakan sebuah keturuan asli daripada China. Sebelum pembentukan Jeti bangsa Hokkien ini hidup dengan pembentukan penduduk yang berbeza . Mereka tinggal di tempat-tempat yang sesak contohnya Tok Aka Lane, Acheen Street, ArmenianStreet, and Stewart Lane yang berada berhampiran pantai. Oleh itu, jeti terbahagi beberapa clan seperti Ong Jeti ,Lim Jeti , Chew Jeti Tan Jeti,Yeoh Jeti, Lee Jeti, New Jeti, Peng Aun Jeti dan Koay Jeti

Tujuan kajian merupakan sebuah jambatan lama yang dibina sebelum kedatangan Francis Light. Jambatan ini diberi nama sebagai Jeti Clan berada berdekatan Pengkalan Weld, George Town. Jeti ini mempunyai sejarah tersendiri dan menjadi tempat berlabuh kapal-kapal dagang sekitar tahun 1900 dan masih diwarisi oleh penduduk sekarang. Walaupun Pulau Pinang diambil alih oleh pihak British , Jeti Clan masih lagi dikekalkan sehingga sekarang. Tetapi jeti ini bukan lagi menjadi tempat perlabuhan untuk kapal-kapal berdagang. Kebanyakkan jeti menjadi pusat nelayan dan pelancongan serta tidak lagi asing di rakyat Pulau Pinang. Maksud jeti ialah barisan rumah-rumah kayu di atas tiang sepanjang laluan penajalan kaki atau

dikenali sebagai kampung air. Jeti ini dijadikan tumpuan pelancongan memandangkan keadaanya tidak banyak berubah dan menyimpan sejarah awal Pulau Pinang dari aspek budaya dan komuniti. Hal ini menyebabkan komuniti jeti menerima kunjungan dari pelancong luar kerana keunikan bangunan dan cara hidup budaya.

Dalam bab 5 ini, terdapat 2 bahagian yang akan dibincangkan oleh pengkaji iaitu, perbincangan dan cadangan dalam memelihara dan memulihara Jeti Clan. Industri pelancongan dalam negara menjadi salah satu kunci kepada pemeliharaan berkenaan. Perbincangan dibuat berdasarkan dapatan kajian yang telah pengkaji analisis pada bab 4. Perbincangan ini bermula dengan candangan yang diberikan oleh pengkaji dan seterusnya rumusan atau kesimpulan keseluruhan kajian.

5.2 PERBINCANGAN

Pengkaji melihat Jeti Clan sememangnya diakui Jeti terawal dibina di Pulau Pinang , dianggarkan tahun pemeritahan Sultan Kedah yang masih memegang Pulau Pinang semenjak pembinaannya oleh pendagang cina. Dalam melihat struktur dan hiasan jeti berkenaan , terdapat beberapa yang boleh dilihat serta dibincangkan berkaitan dengan pembinaan jeti berkenaan. Oleh itu, pengkaji membincangkan beberapa pekara untuk melihatkan Jeti Clan mempunyai sejarah dan budaya yang tertentu .

5.2.1 HUBUNGAN PENDAGANG CINA DENGAN SULTAN KEDAH.

Pada era Sultan Kedah Pulau Pinang muncul sebagai tempat berdagang selain daripada Kedah. Pada masa itu, muncul beberapa golongan daripada

masyarakat Hokkien dari tanah besar China untuk mendapatkan beberapa perkerjaan di Pulau Pinang. Oleh itu, terdapatlah beberapa jeti yang dibina di bahagian timur Pulau Pinang. Jeti itu terbagai kepada beberapa jeti iaitu Ong Jeti ,Lim Jeti , Chew Jeti Tan Jeti,Yeoh Jeti, Lee Jeti, New Jeti, Peng Aun Jeti dan Koay Jeti.

Mereka memulakan penempatan di berhampiran laut kerana mendapat perkerjaan daripada Sultan Kedah untuk memulakan perkerjaan seperti berdagang dan mengangkut barang daipada kapal-kapal besar. Masyarakat Hokkien juga mempunyai beberapa pengalaman dalam berdagang dan berniaga. Hubungan dengan Sultan Kedah menyebabkan ramai pendagang cina datang ke Pulau Pinang untuk mencari pekerjaan. Penambahan rumah dan jeti turut meningkat kerana Pulau Pinang menjadi tempat kepada pelabuhan.

Selepas kedatangan British di Pulau Pinang. Sultan Kedah memberi Pulau Pinang kepada Siam kerana Kedah menghadapi perperangan dengan Siam. Pemberian Pulau Pinang kepada British menjadi satu langkah untuk mendapatkan hubungan baik dengan British. Tetapi British tidak menghulurkan sebarang pertolongan kepada Kedah menyebabkan Kota Kuala Kedah jatuh kepada Siam. Walaupun berada di bawah kuasa British Jeti Clan ini masih lagi berdiri teguh. Masyarakat ini tidak lagi berdagang tetapi melakukan kerja seperti nelayan untuk menyara kehidupan.

5.2.2 MASYARAKAT CINA HOKKIEN

Kebanyakan orang cina di Pulau Pinang berasal daripada masyarakat Hokkien. Gelaran Hokkien berasal daripada wilayah Fujian , China. Komuniti Hokkien daripada wilayah Fujian di Selatan China, Komuniti Hokkien adalah komuniti etnik Cina terawal , dan seterusnya bertapak di Pulau Pinang sebaik sahaja British menubuhkan sebuah pos di Pulau Pinang pada tahun 1786. Dengan populasi dan penguasaan ekonomi yang besar , Bahasa Hokkien menjadi Lingua Franca dalam kalangan pelabagai masyarakat pendatang etnik Cina di Pulau Pinang.

Hokkien Pulau Pinang adalah serupa namun berbeza dengan variasi Hokkien lain di Malaysia. Sebagai Bahasa yang lama, ia lebih dekat dengan Bahasa Tang Min, ia sejenis Bahasa Hokkien yang baharu oleh pedatang Cina ke Pulau Pinang. Orang cina Peranakan awal di Pulau Pinang bercakap Bahasa Melayu Baba iaitu versi bahasa Melayu Baba, versi bahasa melayu sendiri. Hokkien Pulau Pinang menggantikan Bahasa Melayu Baba sebagai Bahasa dominan dalam masyarakat.

5.2.3 TARIAN SINGA

Tarian Singa di Jeti Clan akan dimainkan pada Tahun Baru Cina dan dimainkan setiap tahun untuk meraikan Tahun Baru Cina. Sejarah singa dianggap sebagai pelindung dalam kebanyakan adat orang asia terutamanya bagi mereka yang berketurunan orang Cina. Setiap tarian mempunyai corak dan bentuk tarian yang berlainan. Namun, tarian ini lebih terkenal sebagai warisan cina kerana sejarahnya bermula lebih daripada 1000 tahun dahulu.

Tarian singa adalah sebahagian daripada tarian tradisional dalam adat warisan masyarakat Cina yang mana penari akan meniru pergerakan singa dengan menggunakan kostum singa. Kostum singa itu dimainkan oleh dua penari iaitu seorang di bahagian hadpan dengan mengerakkan kepada kostum manakala pasangan penari akan berada di bahagian belakang kostum singa tersebut. Kedua-dua penari itu akan bergerak seakan-akan singa di atas pentas yang disediakan

5.2.4 HIASAN RUMAH PENDUDUK JETI CLAN.

Rumah masyarakat Jeti Clan banyak dipengaruhi oleh hiasan orang cina seperti Tanglung dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian jeti ini dipengaruhi oleh masyarakat Fujian, China. Ada banyak kepercayaan tentang asal-usul Tanglung, tetapi satu pekara pastinya ia berkenaan dengan perayaan dan menunaikan hubungan positif diantara orang, keluarga dan makhluk lain.

Pada zaman kuno, tanglung-tanglung adalah serdahana untuk masyarakat kerana maharaja dan kerabat bangsawan mempunyai berhias, pada zaman moden, tanglung telah dihias dengan banyak reka bentuk kompleks. Oleh itu, perhiasan rumah di Jeti Clan menyebabkan kawasan itu dilihat sebagai kawasan penduduk cina

5.2.5 MAKANAN HOKKIEN

Gaya permakanan Hokkien merupakan makanan terbaik untuk masyarakat Cina. Makanan dibawa oleh masyarakat Fujian daripada China dikenali sebagai masakan mee atau hokkien. Masakan ini mengekalkan rasa asli bahan utama dan menggunakan makanan laut seperti ikan, kerang dan sebagainya. Teknik penggunaan masakan ini ialah merebus dan mengukus. Selalu tukang masak

akan memberikan perhatian sepenuhnya kepada dalam kemahiran menggunakan pisau dan teknik memasak untuk meningkatkan rasa, aroma dan tekstur makanan laut.

Terdapat banyak restoran-restoran yang berhadapan pintu masuk setiap jeti, mempunyai jenis makan Hokkien yang berasaskan sup dan mee. Oleh itu, makanan ini Hokkien merupakan lakaran sejarah awal pedangang cina menetap di Pulau Pinang.

5.3 CADANGAN

5.3.1 MELESTARIKAN KAWASAN JETI CLAN

Dalam konteks ini, pihak berkuasa tempatan haruslah sentiasa menitikberatkan tentang seni bina yang telah diterapkan terhadap jeti tersebut agar ia sentiasa asli dengan penggunaan kayu tanpa mengubah apa-apa berkaitan dengan seni bina tersebut. Hal ini demikian kerana seni bina Jeti Clan merupakan sebuah jeti yang masih mengekalkan identitiya yang tersendiri.

Jeti ini masih berdiri kukuh kerana kesedaran masyarakat di Jeti Clan membinanya semula selepas menerima kerosakan yang teruk di perang dunia ke-2. Hampir separuh jeti diletupkan dengan lemparan bom dari ruang udara.

5.3.2 MEPERKENALKAN JETI CLAN MELALUI MEDIA MASSA

Dalam konteks pengkajian, pengkaji mencadangkan agar keunikan Jeti Clan diperkenalkan kepada seluruh negera melalui media massa sama ada media elektronik dan media cetak seperti artikel dan majalah . Melalui cara ini , Jeti Clan akan lebih terkenal dan diketahui okeh unun secara meluas dan

peningkatan para pelancong yang datang ke Jeti Clan juga akan meningkat dari semasa ke semasa.

5.3.3 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN IPT

Dari segi Pendidikan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia dan IPT haruslah bersama-sama merealisasikan bagi mewujudkan satu sukan dalam era pembelajaran. Hal ini demikian dikatakan kerana mendedahkan para pelajar tentang sejarah dan kepentinganya kepada sesebuah negara. Tambahan lagi, pihak KPM dan KPT juga boleh mengadakan atau menganjurkan aktiviti lawatan sambil belajar ke Jeti Clan untuk menimba pengalaman pada setiap pelajar secara langsung.

5.3.4 KARNIVAL PELANCONGAN

Candangan pertama yang diketengahkan oleh pengkaji ilah pihak kerajaan seharusnya menjalankan festival pelancongan secara besar-besaran kerana kaedah ini sememangnya berkesan untuk memperkenalkan pelancongan warisan yang ada kawasan Georgetown tersebut dan juga dapat mendedahkan kepada pihak luar mengenai pelancongan yang ada di dalam negara. Dalam festival tersebut perlu mengandungi beberapa isi yang berkaitan dengan pelancongan yang terdapat dalam kawasan Georgetown ini seperti bangunan-bangunan warisan ,kebudayaan masyarakat pelbagai kaum, kepelbagaian makanan yang meyelerakan , kawasan perkelahan dan sebagainya. Pakej-pakej yang pelancongan yang ditawarkan oleh kerajaan haruslah mudah supaya pelancong suka membelinya.

5.4 CADANGAN KEPADA PENGKAJI BERIKUTNYA.

5.4.1 KAJIAN LEPAS

Untuk pengkaji yang berikutnya, mestilah menganalisis beberapa kajian lepas.

Selain itu, Jeti Clan ini sukar untuk mendapatkan maklumat kerana kajian lepas sukar ditemui. Pengkaji berikutnya haruslah menemu bual pihak-pihak yang terlibat untuk mendapatkan maklumat yang berkenaan jeti berikut. Surat-surat juga diperlukan untuk rujukan pihak-pihak terbabit. Hal ini dikatakan demikian kerana, pihak berkuasa memerlukan beberapa bahan bukti untuk mereka meluangkan masa dengan temu bual.

Membuat temu bual dan pemerhatian dengan penduduk jeti juga penting kerana sukar untuk mendapat maklumat dalam kaedah perpukataan. Pengkaji juga perlu stamina yang kuat kerana Jeti Clan mempunyai kawasan yang luas dan pengkaji perlu berjalan kaki di setiap jeti.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.5 KESIMPULANYA.

Secara keseluruhan yang dapat disimpulkan pada kajian ialah Jeti Clan merupakan jeti yang pertama di dalam Pulau Pinang sejak dari pemerintahan Sultan Kedah. Kajian ini juga memberikan kesan positif dan negetif kepada masyarakat setempat , pelancong dan juga kepada negara. Kajian ini telah menjawab persoalan dan juga objektif kajian dengan menganalisis keputusan daripada temubual daripada emel . daripada hasil tersebut , pengkaji ingin menegaskan tentang menjaga Jeti Clan sebagai pusat pelancongan dan warisan . hal ini dapat memberikan kesan positif kepada aktiviti pelancongan justeru meningkatkan hasil pendapatan negeri manakala masyarakat tempatan dapat meningkatkan hasil pendapatan mereka.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN


6.0 LAMPIRAN



Gambar Rajah 6.1 : Gambar Pengkaji Di Jeti Clan

Sumber : Abdul Aziz

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar Rajah : Temu Buah Dengan GTWHI

Sumber: Abdul Aziz

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

7.0 RUJUKAN

Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah et all, (2013), Perlindungan Harta Warisan:Keberkesanan Usaha Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Dalam Pembangunan Negara. Malaysian Journal Of Society And Space.

Mohd Yuszaidy Mohd Yussof,(2018), Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia. Jurnal Melayu.

Solihah Mustafa, Mazdi Marzuki et all (2015), Pengurusan Bandar Warisan Unesco Dan Penglibatan Komuniti Tempatan: Kajian Kes Di Georgetown, Pulau Pinang. Malaysian Journal Of Society And Space.

Ahmad, Y.(2006). Kepentingan Dan Keaslian Dalam Kerja Konservasi . Kursus Konservasi Monumen Dan Tapak Bersejarah, E & O Hotel , Georgetown, Pulau Pinang 16-18 Disember 2006.

Jabatan Warisan Negara (Jwn) (2009). Warisan Kebangsaan, Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Malaysia.

Dan,N.& Cantell,T,2007 . Maintenance In Conservation , Understanding Historic Building. Oxford: Blackwell.

Malaysia (2006) Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645). Jabatan Penerbitan Negara, Kuala Lumpur

Malaysia (1998) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171). Jabatan Penerbitan Negara, Kuala Lumpur.

Malaysia (1998) *Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)*. Jabatan Penerbitan Negara, Kuala Lumpur.

Unesco (1972) Protection of the world cultural and natural heritage. Unesco, Paris.Pulau Pinang (2011) , Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang (Enakmen 14). Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Badaruddin Mohamed. 2005. Heritage Tourism Management in Japan. Pulau Pinang:

Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Abdul Taib Ahmad ed. 2012. Utara Semenanjung Malaysia: Esei-esei Warisan. 2012. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Hood Salleh. 2006. *The Encyclopedia of Malaysia: Peoples and Traditions*. Vol. 12. Singapore: Didier Millet.

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang. Diambil pada Julai 2021.

Jabatan Konservasi Warisan Pulau Pinang.Diambil pada Ogos 2017.
warisan@mbpp.gov.my

Arsyad, Azhar. 2007. Media Pembelajaran. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.

Bhasah Abu Bakar, Yuslina Mohamed (2013). Metodologi penyelidikan. Universiti Sains Islam Malaysia.

Saidatul Mohd ,Azlinda Azman, Jamalludin Sulaiman (2011). Kelestarian Warisan Negara.Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM.

A Ghafar Ahmad , 2006. Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Malaysia , Dalam Melaka: Kerajaan Negeri Melaka Dengan Kerjasama Perbadanan Muzium Melaka(Perzim) , Bengkel Konservasi Monumen Dan Tapak Tanah Bersejarah, Melaka, 27-29 November 2006.

Keith Hockton , Howard Tan (2012). Penang An Inside Guide To Its Historic Homes,Building,Monument And Parks. 88 Armenian Street, Georgetown , Penang

Norliza Hussin, Khadijah Abdul Razak (2017). Penggunaan Laman Web Sebagai Sumber Maklumat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

Wan Mohd Hujatullah Wan Ghazali. 2001. Pembinaan laman web untuk program Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan UKM. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan: UKM.

Lee Han Lin, Jestin Nordin,Ahmad Sanusi Hassan dan Yasser Arab. ElementS Of Pathas, Edges, Nodes, Districts And Landmarks In Fishing Vilagge Waterfront, GeorgeTown, Penang (2009). International Transaction Journal of Engineering, Management, & Applied Sciences & Technologies.

Liang, C. (2015). The Clan Jetties of George Town. Penang: George Town World Heritage Incorporated(GTWHI) Publishing.

Tan Yeong En, Dayana Binti Aripin, Ahmad Sanusi Hassan, Muhammad Hafeez Abdul Nasir dan Boonsap Witchayangkoon (2009). Analysis Of Urban Design Elements With A Case Study At Heritage Buildings And Fisherman Villages, George Town, Penang. International Transaction Journal of Engineering, Management, & Applied Sciences & Technologies.

Roselina Bt. Karim (1990). Texture Studies On Chinese Wet Noodles (Hokkien - Style Noodles). Universiti Putra Malaysia.

R D Nur'aini (2018). Green architecture concept in Chinese region at Clan Jetties area, Penang Malaysia. IOP Conference Series: Materials Science and Engineering.

Chin Yee Whah (2001). Tranformasi Budaya Niaga Usahawan Cina Di Semenanjung Malaysia. Universiti Sains Malaysia.

Florence Graezer Bideau dan Mondher Kilani (2009). Chinese Clan Jetties of Penang:How Margins are Becoming Part of a World Cultural Heritage. Chinese Southern Diaspora Studies, Volume 3, 2009.

Hugh M. Lewis (1995) . The Jetty People Hokkien Ethnoculture In Penang, Malaysia, 1994. University o f Missouri-Columbia.

Christina Oon, K.E. and Khoo, A.L. (2014). Issues and challenges of a liveable and creative city: The case of Penang, Malaysia. Development Planning and Management Programme, School of Social Sciences,Universiti Sains Malaysia.

Christina Oon, K.E. and Khoo, A.L. (2014). Issues and challenges of a liveable and creative city: The case of Penang, Malaysia. Development Planning and Management Programme, School of Social Sciences,Universiti Sains Malaysia.

Enakmen 14 dan 15 Negeri Pulau Pinang (2011). Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN